

Jilid I
Bil. 44



Hari Jumaat
23hb Disember, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5669]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 5700]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 5701]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 5701]

Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) [Ruangan 5734]

Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) [Ruangan 5753]

Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) [Ruangan 5766]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH,
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN (Kedah).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S.,
B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVENDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI (Pahang).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN IBRAHIM *alias* AHMAD BIN MAT SAMAN *alias* OTHMAN, B.M.S.,
A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ CIK LIM HIANG NAI *alias* LIM SEAN LEAN (Dilantik).
- „ DATO LOH FOOK YEN (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF KASSIM (Perak).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI *alias* WONG SIAN CHUAN, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

- „ DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 23hb Disember, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KOLAM AIR—PEMBINAAN

1. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk membina kolam air bagi simpanan air tambahan (stock) untuk mengatasi kekurangan air pada masa akan datang; jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak ada rancangan untuk membina kolam air seumpama itu oleh kerana cara ini tidak dapat mengatasi kekurangan air pada musim kemarau di kawasan-kawasan yang berkenaan. Akan tetapi untuk mengatasi masalah bekalan air, Kerajaan telah pun mengadakan Kajian Sumber Air Negara yang telah mengesyorkan antara lain pembinaan ampangan di beberapa Ulu Sungai sebagai sumber-sumber bekalan air untuk masa hadapan. Atas perakuan yang melibatkan pembinaan ampangan-ampangan di sungai-sungai yang telah dikenalpasti pihak Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek seperti Ampangan Sungai Aneh di Kedah, Ampangan Sungai Semenyih di Selangor, Ampangan Sungai Terip di

Negeri Sembilan dan Ampangan Sungai Layang di Johor dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dengan siapnya pembinaan projek-projek ini maka dapatlah menambahkan bekalan air bagi kawasan-kawasan berkenaan walaupun di musim kemarau.

Tuan Jaafar bin Harun: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, walaupun keadaan sekarang ini kita masih ada suki lagi mendapat bekalan air walaupun kadangkala kita masih kedapatan keputusan air tetapi ini tidaklah membimbangkan. Sungguhpun begitu saya fikir perancangan Kerajaan kita perlu ada. Saya mengucapkan terima kasih atas perancangan Kerajaan yang telah pun menyediakan ampangan-ampangan seperti yang disebutkan tadi tetapi sungguhpun begitu daripada segi-segi yang lain pula saya fikir patut juga diadakan. Jadi, apakah jaminan Kementerian yang berkenaan yang menyebabkan tidak perlu mengadakan stok air ini untuk simpanan bagi masa akan datang?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, kalau ditafsirkan kolam-kolam air bermakna ini sepertilah reservoir yang memerlukan punca air yang cukup, dengan adanya kolam tanpa punca air barangkali tidak boleh menghindarkan keadaan ini berlaku. Maka dengan adanya ampangan-ampangan ini punca air juga terjamin, maka dapat kita mengatasi kekurangan air. Lagipun, Tuan Yang Dipertua, bagi mengadakan kolam-kolam air bukannya begitu senang lebih-lebih

kalaulah untuk memberi bekalan kepada satu kawasan yang besar yang ramai penduduknya mungkin terpaksa mengambil beratus-ratus ekar tanah yang berdekatan dengan tempat-tempat tinggal rakyat dan ini juga akan memberi kesulitan kepada pihak yang hendak membekalkan tanah ini. Walau bagaimanapun, dengan mengadakan ampangan masalah ini juga dapat diatasi tanpa begitu banyak timbul masalah-masalah lain.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Dato Chin Kim Yoong: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 2.

AUSTRALIA—PENGAMBILAN PENUNTUT ASING

2. **Dato Chin Kim Yoong** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan pandangan Kerajaan terhadap polisi Australia baru-baru ini yang berhasrat untuk mengkaji semula pengambilan penuntut-penuntut asing ke peringkat pengajian tinggi di Australia dan nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan penuntut-penuntut Malaysia di sana tidak menerima kesan buruk darinya dari segi bilangan dan yuran persekolahan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Malaysia tidak senang hati dengan tindakan Kerajaan Australia menyikat pengambilan pelajar-pelajar dari seberang laut. Bagaimanapun, pihak Kementerian menyambut tindakan Kerajaan Australia baharu-baharu ini mengkaji semula (*review*) pengambilan penuntut-penuntut asing di peringkat pengajian tinggi di Australia. Kementerian Pelajaran

sedang membuat kajian keseluruhannya terhadap implikasi-implikasi mengenai polisi baharu ini bersama-sama dengan semua penganjur-penganjur Kerajaan yang sedang menghantar pelajar-pelajar ke Australia.

Kementerian Pelajaran telah menyampaikan pendapatnya kepada Kerajaan Australia atas perkara ini. Setakat ini pihak Kementerian telah meminta supaya pihak Kerajaan Australia memberi tempat pelajar yang lebih dan mengekalkan tempat yang selama ini tidak dihadkan kepada pelajar-pelajar Malaysia sama ada di peringkat sekolah menengah atau di peringkat Universiti, Australia.

Pihak Kementerian Pelajaran telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Suruhanjaya Tinggi Australia mengenai perkara-perkara ini bagi memastikan tempat-tempat belajar untuk pelajar-pelajar Malaysia yang telah berada di Australia tidak terjejas dari segi bilangan dan "Overseas Student Charge" yang dikenakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Australia sekolah-sekolah dan universiti-universiti tidak mengenakan yuran pengajian tetapi semua pelajar-pelajar asing mesti membayar setiap tahun "Overseas Students Charge" sebanyak A\$1,8501 setahun untuk pelajar-pelajar yang mengambil ijazah pertama sehingga A\$2,500 setahun untuk pelajar-pelajar yang mengambil ijazah lanjutan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa banyakkah kuota penuntut-penuntut Malaysia yang dibenarkan oleh Kerajaan Australia untuk belajar dalam bidang pengajian tinggi di negara itu pada tiap-tiap tahun ataupun adakah dasar terbuka yang diberikan oleh Australia kepada sebarang

penuntut-penuntut daripada Malaysia ini sama ada mempunyai kuota ataupun dasar terbuka.

Soalan kedua, adakah New Zealand juga mempunyai sekatan-sekatan yang serupa terhadap penuntut-penuntut daripada Asia.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, daripada tahun 1980 Australia telah menawarkan kepada Malaysia untuk tempat-tempat pengajian tinggi ialah 400; tahun 1981—600 orang; tahun 1982—600 orang; tahun 1983—620 orang.

Ini boleh dikatakan cara terbuka setakat tahun 1983. Tetapi tahun 1984 kita pun telah melihat dalam surat khabar baru-baru ini Australia telah membuat satu kajian semula (review). Jadi dari segi pengambilan barangkali adalah syarat-syaratnya yang tertentu tetapi walau bagaimanapun, pihak Kementerian sudah memberikan pandangan-pandangan dari segi persefahaman antarabangsa melalui kebudayaan, pertukaran dan juga dari segi pembangunan, pendidikan dan juga dari segi perniagaan antarabangsa.

Kita berharaplah dalam review ini kelima-lima soal yang saya sebutkan tadi bolehlah dapat persefahaman yang lebih istimewa atau lebih baik daripada Kerajaan Australia dan kita haraplah apa yang saya sebutkan tadi dalam jawapan saya iaitu kita berharap kita akan dapat mengekalkan tempat yang setakat hari ini juga kita berharap boleh dapat dari segi "Overseas Students Charge" itu pun dapat berikan layanan.

Jadi, untuk negara New Zealand, ada kuota juga diberikan tetapi saya tidak ada angka di sini untuk diberikan kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya berapakah jumlahnya penuntut-penuntut kita yang ada di

Australia sekarang iaitu yang memegang biasiswa sama ada biasiswa Kerajaan ataupun swasta dan satu lagi mahasiswa-mahasiswa persendirian.

Kedua, manakah tinggi bayaran school feesnya—Australia, New Zealand dan Amerika, mana satu yang tinggi sekali bayaran sekolahnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, soal yang pertama saya tidak dengar—tak berapa terang, maaf.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Penuntut-penuntut kita di Australia yang memegang biasiswa Kerajaan ataupun biasiswa swasta dan begitu juga mahasiswa persendirian, penuntut-penuntut persendirian, berapa jumlahnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, dari segi bilangan mahasiswa, saya tidak ada angka di sini dan saya minta notis.

KILANG SENJATA/PELURU— PEMBINAAN

3. **Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mendirikan kilang-kilang senjata berat dan ringan serta pelurunya sekali secara komersial; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, buat masa ini sudah terdapat sebuah syarikat tempatan yang mengeluarkan beberapa jenis peluru untuk kegunaan Angkatan Tentera. Kerajaan masih belum bercadang untuk mendirikan kilang-kilang senjata berat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang merancang untuk mengeluarkan senapan tempur dan projek ini masih lagi dalam peringkat kajian.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Pertahanan yang mana negara kita telah pun memulakan kilang membuat senapang rifle, tidak tahu jenis apa—M. 16kah atau sebagainya tetapi dari manakah syarikat ini, daripada manakah negara ini yang mendirikan kilang membuat senjata senapang ini tadi, adakah daripada Sweden, daripada Belgium ataupun daripada Amerika dan adakah ini mempunyai perkongsian ataupun usahasama ataupun ianya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, setakat ini seperti saya sebutkan dalam jawapan asal, Kerajaan Malaysia tidak ada mempunyai kilang membuat senapang. Yang sebenarnya kita mempunyai kilang untuk membuat peluru, 3 jenis peluru di Malaysia ini.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—CARUMAN MAJIKAN

4. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian telah mendakwa majikan-majikan yang tidak membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan berapa ramai yang telah didakwa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja melalui Bahagian Penguatkuasaannya sentiasa mengawasi dan menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan secara mengejut atau setelah menerima aduan-aduan daripada pekerja-pekerja ke atas majikan-majikan untuk memastikan mereka mematuhi kehendak-kehendak yang terdapat dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951.

Pejabat-pejabat pemeriksaan KWSP ini terdapat di tiap-tiap ibu negeri di seluruh Malaysia dan kini pihak KWSP sedang membuat persediaan untuk menambah lagi pejabat-pejabat pemeriksaan ini hingga ke peringkat daerah-daerah untuk memperhebatkan lagi tindakan-tindakan penguatkuasaan.

Majikan-majikan yang didapati tidak membayar caruman wang simpanan pekerja akan terus didakwa ke mahkamah untuk menentukan bahawa mereka itu mematuhi kehendak-kehendak Akta yang berkenaan.

Semenjak 3 tahun yang lepas majikan-majikan yang telah dihadapkan ke mahkamah kerana tidak membayar caruman wang simpanan pekerja adalah berjumlah 1,927 semuanya iaitu 487 bagi tahun 1981, 690 bagi tahun 1982 dan 750 bagi tahun 1983 hingga setakat ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah pihak Kementerian mengarahkan kepada majikan-majikan yang telah dapat ditangkap tadi supaya membayar balik tunggakan-tunggakan kepada pekerja-pekerja mereka yang dia tidak bayar sekian lama tentang wang caruman pekerja-pekerja tadi. Adakah pihak Kerajaan berbuat demikian.

Dato' Sabbaruddin Chik: Ada.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEKOLAH—MEMPERBAIKI

5. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil memandangkan banyaknya sekolah di Wilayah Persekutuan telah uzur umpamanya bangunan telah lama dan bumbung

telah reput serta atapnya bocor; longkang-longkang yang pecah dan tandas tidak boleh digunakan dan macam-macam masalah lagi.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini memang mendapat perhatian Kementerian Pelajaran dan peruntukannya disediakan setiap tahun bagi memperbaiki dan mengganti kemudahan sekolah yang difikirkan perlu. Akan tetapi sepertimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, oleh kerana kekurangan peruntukan dalam keadaan ekonomi negara sekarang ini maka keutamaan terpaksa diberi kepada keadaan-keadaan yang mendesak dahulu dan apabila keadaannya mengizinkan kelak tindakan akan diambil bagi mengatasi semua masalah-masalah yang dihadapi itu.

KELAB SAINS/KOMPUTER DI SEKOLAH—PENUBUHAN

6. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian berkenaan akan menubuhkan kelab-kelab sains dan komputer di sekolah-sekolah untuk memupuk minat kanak-kanak terhadap sains dan teknologi sebagai satu asas mengukuhkan lagi usaha di dalam bidang pembangunan sains dan teknologi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, kelab-kelab sains dan mathematic telah banyak ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Sekolah Sains di sekolah ini mempelbagaikan aktiviti:

- (1) mengadakan lawatan ke kilang-kilang perindustrian, institusi-institusi penyelidikan dan sebagainya;

- (2) merancang dan menyediakan projek-projek untuk mengambil bahagian dalam pameran sains di peringkat negeri dan kebangsaan;
- (3) mengadakan tayangan slides dan filem-filem yang ada kaitannya dengan pelajaran sains;
- (4) mengadakan pertandingan kuiz sains,

dengan tujuan menarik minat kanak-kanak dan menggalakkan penggunaan sains dalam kehidupan seharian. Berhubung dengan kelas-kelas komputer, Kementerian Pelajaran memang menggalakkan sekolah-sekolah menengah menubuhkannya.

BARANG-BARANG PERTANIAN KEGUNAAN HARIAN

7. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Pertanian menyatakan oleh kerana Malaysia masih lagi dianggap sebagai sebuah negara pertanian dengan tanah yang subur dan cuaca yang baik, sama ada kita "self-sufficient" dengan berbagai barang-barang pertanian yang digunakan seharian; jika ya, berikan senarai barang-barang berkenaan dan nyatakan sama ada ianya mencukupi atau berlebihan dan boleh dieksport atau masih berkurangan dan terpaksa diimport.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, senarai barang-barang pertanian yang kita telah berjaya mencapai pengeluaran ke tahap self-sufficiency dan mencukupi untuk eksport adalah seperti berikut:

Daging babi, daging ayam dan telur, ikan segar, sayur-sayuran tempatan dan buah-buahan tempatan.

Barang-barang pertanian yang digunakan seharian yang kita perlu mengimport untuk menampung pengeluaran negara ialah seperti berikut:

Beras, daging lembu, mutton, susu dan gula.

Akan tetapi negara kita terpaksa mengimport sayuran dan buah-buahan yang ditanam di negara yang mempunyai iklim yang sejuk disebabkan keadaan iklim tempatan tidak sesuai untuk barang-barang pertanian tersebut.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Tuan Yang Dipertua, daripada kempen-kempen dan galakan-galakan subsidi yang sekarang ini dijalankan oleh Kementerian Pertanian kita dapati begitu ramai sekali petani-petani kita menanam pokok buah-buahan. Tadi kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sekarang ini buah-buahan tempatan yang dapat ditanam di negeri ini sudah mencukupi dengan erti kata yang lain sudah self-sufficient untuk negara kita. Kita juga dapati sekarang ini buah-buahan tempatan ini seperti limau, mempelam sekarang ini masuk dengan banyaknya ke negara kita yang diimport daripada negara Thailand. Kemasukan buah-buahan ini sekarang ini mengancam pasaran petani-petani kita. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat kemasukan buah-buahan yang mana buah-buahan ini boleh ditanam di negara kita.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, setakat ini belum ada rancangan untuk menyekat atau melarang import buah-buahan seperti limau, mempelam dan sebagainya dari negara-negara jiran. Akan tetapi Kerajaan sedang mengambil satu sikap yang positif iaitu mencari pasaran di luar negeri terutama sekali di negeri Singapura. Dan baru-baru ini saya sendiri memimpin satu rombongan petani melawat Singapura dan

diberitahu oleh Kerajaan Singapura bahawa potensi pasaran bagi buah-buahan tempatan seperti pisang, buah betik, mempelam, terutama sekali durian sangat-sangat besar sekali. Kementerian akan mengambil langkah untuk menjual atau mengeksport lebih buah-buahan tempatan ke Singapura.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah pun mengecuali atau mengurangkan seberapa kurangnya duti import buah-buahan dari luar negeri. Tetapi kedapatan di pasar-pasar sekarang, buah-buahan harganya sebagai takuk lama juga. Mengapakah terjadi demikian? Sepatutnya harganya lebih murah daripada sebelum ditolak duti import ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, ini adalah disebabkan oleh distribution atau pengedaran dalam negara kita. Ini merupakan satu masalah lama yang sukar diatasi. Walau bagaimanapun, Kementerian berharap dengan tanaman buah-buahan yang bertambah, harga buah-buahan di pasaran boleh mencapai satu tahap yang menasabah.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Menteri Pertanian iaitu kita masih banyak mengimport bawang putih, bawang besar, bawang merah ke negara ini terutama sekali daripada negara jiran kita Thailand. Tidak bolehkah satu kajian dibuat supaya kita boleh mengeluarkan jenis bawang ini seperti negeri Perlis, Kelantan dan Perak yang bersempadan dan mungkin iklim tanah-tanah ini sama. Kenapa sekian lama ini Kementerian Pertanian belum dapat satu pengkajian kenapa bawang putih, bawang merah, bawang besar ini tidak boleh ditanam di negara kita sendiri. Kalau tidak boleh ditanam di Kuala Lumpur atau di Cameron Highlands, di

ketiga-tiga negeri yang disebutkan ini mungkin iklimnya sama. Adakah Kementerian Pertanian selama ini telah membuat satu pengkajian?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Kementerian memang sedar bahawa kemungkinan menanam bawang di tanahair kita patutlah diberi perhatian yang lebih berat dan cadangan dan syor Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian serius.

PERKHIDMATAN TELEFON— GANGGUAN

8. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun kerja penambahan talian telefon sedang pesat dijalankan tetapi hubungan telefon dalam negeri ini terutama hubungan di luar-luar bandar menjadi sungutan kepada pengguna telefon kerana selalunya susah sangat hendak mendapatkan panggilan, kadang-kadang hubungan terputus dua tiga kali semasa sedang bercakap, dan ada-kala suara sebelah pihak tidak boleh didengar, bunyi yang bising dalam telefon dan ada masa pula cross line dan sebagainya; jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sedar bahawa walaupun kerja-kerja penambahan talian telefon sedang pesat dijalankan, tetapi masih terdapat sungutan-sungutan dari pengguna-pengguna telefon mengenai perkhidmatan telefon mereka, seperti gangguan cross-line, hubungan terputus semasa bercakap, bunyi bising dalam telefon dan sebagainya serta susah untuk mendapatkan panggilan. Keadaan ini

mungkin masih lagi berlaku kerana seluruh rangkaian telekomunikasi dalam negeri sekarang adalah dalam proses pembaikan dan pemodenan untuk memenuhi permintaan dan keperluan negara yang kian pesat membangun sekarang (period of high growth). Kerja-kerja pengubahsuaian sentiasa dibuat apabila peralatan atau kabel-kabel baru dipasang. Adalah diharap setelah proses memperbaiki seluruh sistem telekomunikasi negara dengan menggunakan teknologi yang baru dan lebih baik itu siap kelak, kesusahan dan gangguan pada para pengguna telefon yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan itu, insya Allah, akan dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan sama sekali.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudahkah ada pihak telekom mengesan iaitu banyak aduan-aduan yang mengatakan bil-bil telefon mereka berlebihan yang mana dipakai tidak begitu banyak tetapi tiap-tiap bulan bilnya bertambah. Ini banyak rungutan. Sekarang ini bagaimana keadaan pihak telekom, sudahkah dapat mengesan perkara-perkara ini jangan berlaku lagi.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama iaitu soal cross line dan telefon bising dan soalan ini sebenarnya adalah soalan lain. Walau bagaimanapun oleh kerana Yang Berhormat berkehendakkan jawapan maka sukalah saya menjawab bahawa memang ada Jabatan Telekom Malaysia menerima sungutan-sungutan daripada orang ramai bahawa bil mereka tinggi dan semua aduan-aduan ini adalah dibuat kajian dan tindakan yang sewajarnya diambil tetapi ada juga kadangkala silap faham bil ini nampak macam tinggi kerana ada Jabatan Telekom memberi 100 unit percuma, kadangkala pelanggan tersilap faham, mereka ingatkan 100

kali telefon percuma; bukannya 100 kali percuma tetapi 100 unit dan kadangkala sekali telefon menggunakan sampai 20 atau 30 unit dan itupun kadangkala boleh menimbulkan kekeliruan dan silap faham di kalangan pelanggan-pelanggan. Walau bagaimanapun segala aduan-aduan yang diterima ini dikaji dan setakat ini aduan-aduan ini tidaklah banyak sangat jika dibandingkan dengan pelanggan-pelanggan yang diuruskan oleh Jabatan Telekom Malaysia.

Tuan Basharon bin Hanapiah:

Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini saya pergi ke Kajang dan saya menggunakan pondok telefon yang berada di hadapan Pejabat Telekom di Kajang. Bila saya pegang kali yang pertama, bila diangkat gagang telefon ke telinga saya dengar ulasan selari, saya pun terkejut. Begitu juga yang kedua, ketiga dan seterusnya yang keempat semuanya mendengar ulasan selari pertandingan bola sepak. Selepas itu saya bertanya kepada pegawai yang bekerja di Pejabat Telekom yang ada berhampiran dengan pondok tersebut, saya kata kenapa dibiarkan telefon ini begini. Dia kata semenjak telefon ini diambil alih oleh syarikat swasta memang begini, inilah akibatnya.

Tuan Yang Dipertua, saya inginlah mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah benar semenjak diambil alih oleh swasta ini telefon semua rosak?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, ini juga soalan yang lain tetapi walau bagaimanapun saya tidak dapatlah memberi di sini suatu penilaian sama ada setelah pihak swasta mengambil alih membekalkan telefon-telefon public ini sama ada ia

lebih baik ataupun kurang baik kerana pengambilan alih pihak swasta berhubung dengan telefon awam ini baharu sahaja. Tetapi saya fikir tidaklah seperti apa yang berlaku yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu setelah diambil oleh pihak swasta telefon awam ini maka seluruh telefon-telefon awam telah pun rosak, saya tidak fikir itu berlaku. Apa yang saya fikir berlaku ialah apa yang telah saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada beberapa hari dahulu semasa menjawab soalan serupa ini iaitu tentang beban tanggungan telefon kita sekarang sudah melebihi daripada had yang boleh ditanggung dan itulah sebabnya Jabatan Telekom Malaysia sekarang sedang menjalankan suatu usaha yang besar-besaran bagi membaiki dan memodenkan seluruh rangkaian telefon di negara kita ini dan insya Allah pada penghujung tahun 1985 adalah dijangka bahawa masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi tidak akan berlaku lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan begitu bersungguh-sungguh beliau mengatakan bahawa Kementeriannya akan memodenkan dan dijangka keseluruhan rangkaian kita ini akan menjadi moden dalam tahun 1985 dan dijamin, insya Allah, tidak akan banyak gangguan-gangguan seperti yang disungutkan oleh orang ramai, tetapi saya memandang sebaliknya. Keadaan kerja untuk pemodenan ini, dengan izin dan minta maaf, from bad to worse pada setengah-setengah tempat. Sebab pada satu ketika dahulu telefon-telefon yang lama dahulu kita pakai dan gunakan tiang-tiang besi yang di bawahnya ada seumpama sauh mencengkam ke bumi. Hari ini kalau yang besi itu dikekalkan ditambah line yang baru, ini tidak menjadi masalah tetapi diganti dengan

tiang-tiang kayu. Kemudian di tempat-tempat yang lembah (swampy) kayu ini 6 bulan telah condoh menghala ke jalan raya. Inilah gangguan-gangguan, di satu sektor setengah baik dan di satu sektor lagi terdapat ada kelemahannya. Jadi selama mana kita akan dapat pemodenan ini dan dijamin tidak ada gangguan lagi. Kita minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri bagaimana pemodenan itu, peralihan (transitional) itu supaya apa yang wujud hari ini tidak diganggu oleh pemodenan itu, sehingga yang moden lagi satu itu bercantum dengan moden yang sudah dibuat, tidak ada gangguan kepada pengguna-pengguna telefon.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, saya fikir di kawasan-kawasan yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, dengan izin, from bad to worse, adalah tempat-tempat yang pemodenan belum dilaksanakan lagi. Di kawasan-kawasan yang mana pemodenan dan alat-alat baru telah dibekalkan maka suatu perubahan yang baik telah pun berlaku kerana kalau dahulu tali-talinya besar-besar dan berat-berat, sekarang talian-talian telefon sudah kecil-kecil dan ringan-ringan tetapi efficiencynya, kebolehan nya bukan semakin lebih kurang, mungkin lebih baik macam talian "optic" fibre umpamanya, kecil sahaja tetapi kebolehan dan kemampuannya lebih baik daripada talian-talian yang lama. Walau bagaimanapun, dalam proses pemodenan ini tidak dapat hendak diperbaiki secara serentak kerana rangkaian telefon ini mesti semuanya diperbaiki, barulah boleh kita dapat kekesanan. Kalau kita perbaiki sebahagian-sebahagian sahaja itu tidak boleh memperbaiki pada keseluruhannya rangkaian telefon kita, dan itulah keseluruhannya, bukan boleh sedikit-sedikit, bukan boleh sebahagian-sebahagian, malah keseluruhan rangkaian telefon kita

mesti dan perlu dipermodenkan supaya kita akan dapat memberi suatu perkhidmatan yang benar-benar memuaskan kepada pelanggan-pelanggan di seluruh negara kita ini.

Kementerian saya yakin dan percaya dengan wang yang kita akan belanjakan sebegitu banyak iaitu lebih daripada \$2,000 juta dalam masa 2 tahun lebih sedikit, kita yakin dan percaya, insya Allah apa yang diharapkan oleh Kerajaan akan terlaksana dan saya fikir rakyat pada keseluruhannya akan mendapat perkhidmatan yang memuaskan, insya Allah.

PEGAWAI LUAR JABATAN PENERANGAN

9. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bidang tugas pegawai luar Jabatan Penerangan dan sama ada terhad kepada menyediakan alat-alat pembesar suara sahaja apabila ada Menteri atau Pembesar hendak berucap; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa ada pegawai-pegawai luar yang tidak boleh memberi ceramah atau ucapan sesuai dengan perkembangan negara hari ini dan jauh sekalilah mereka ini boleh memberi ceramah untuk membenteras pemikiran orang-orang yang anti-Kerajaan dan kegiatan-kegiatan Kerajaan; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk melengkapkan pegawai-pegawai ini menjadi lidah Kerajaan yang berkesan dan bermakna.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Bidang tugas Pegawai Luar Jabatan Penerangan ialah

memberi penerangan mengenai segala dasar Kerajaan kepada rakyat seluruhnya. Soal menyediakan alat pembesar suara merupakan tugas sampingan iaitu untuk kegunaan orang-orang kenamaan apabila melawat sesuatu tempat di mana sebagai sifat seorang Yang Berhormat Menteri iaitu menggunakan pembesar suara untuk menerangkan sesuatu dasar Kerajaan. Bukanlah menjadi tugas utama pegawai-pegawai Jabatan Penerangan mengadakan alat pembesar suara untuk kegunaan pemimpin atau pembesar.

- (b) Pegawai-pegawai Luar Jabatan Penerangan apabila diambil bertugas menjalani temuduga untuk kepetahan bercakap ataupun berceramah. Dengan ini bermakna mereka boleh menghadapi orang ramai memberi penerangan akan segala dasar Kerajaan mengikut perkembangan yang berlaku di negara dari masa ke semasa. Kelemahan mungkin terdapat oleh kerana zaman sains dan teknologi perubahan agak pantas bergerak dan untuk sama-sama mengikuti perkembangan itu, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Kementerian Penerangan mengadakan kursus-kursus dari satu masa ke satu masa untuk melengkapkan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dengan perkara-perkara yang terbaru mengenai bidang tugas mereka. Di samping itu, saya suka mengambil kesempatan menyatakan di sini bahawa sebuah pusat latihan kakitangan Jabatan Penerangan sendiri akan ditubuhkan oleh Kerajaan tidak lama lagi.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya

Yang Berhormat Timbalan Menteri saya dapati banyak Pegawai-pegawai Penerangan Luar ini memberi penerangan di cawangan-cawangan UMNO, di cawangan-cawangan MCA dan di cawangan-cawangan MIC; adakah ini tugas Pegawai Penerangan? Itu pertanyaan saya.

Dato' Chan Siang Sun: Perkara-perkara yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator itu ialah Pegawai Pembantu Luar. Pegawai Pembantu Luar sebahagian daripada tugas-tugas yang telah ditetapkan kepada mereka itu boleh dikatakan lebih kuranglah serupa dengan Pegawai Luar Jabatan Penerangan.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Kalaulah tugas Pegawai Penerangan hanya memberi penerangan di cawangan-cawangan parti seperti saya katakan tadi, bilakah orang ramai dapat tahu dasar Kerajaan yang akan disampaikan oleh Pegawai Penerangan. Saya harap Pegawai Penerangan akan menyampaikan kepada rakyat iaitu penyokong akan menyatakan dasar Kerajaan macam mana. Tetapi kalau pergi ke cawangan-cawangan parti macam mana orang yang tidak menyokong parti, kita hendak tahu. Saya harap perbetulkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, Pembantu-pembantu Luar ini juga dari segi tugas harian mestilah mengikuti dengan apa yang telah ditetapkan kepada mereka. Tetapi mereka ini tentulah sebahagian yang besarnya ialah ditumpukan kepada soal political. Political ini bermakna political dapatlah kita menstabilkan negara kita dengan keadaan politik. Jadi mereka bukanlah boleh dikatakan dari segi tugas, dari segi datang ke pejabat dan sebagainya serupalah dengan Pegawai Penerangan. Tetapi adalah satu tugas yang lebih bertambah dengan itu ialah juga dapat memberi perkhidmatan atau perhatian yang lebih sedikit kepada soal political.

**RANCANGAN PEMULIHAN
KAMPUNG (R.P.K.)—
PEMBATALAN**

10. Tuan Basharon bin Hanapiah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sebab-sebab mengapa rancangan pemuliharaan kampung (R.P.K.) yang telah dirancang begitu rapi oleh Kerajaan untuk rakyat yang kurang berkemampuan telah dibatalkan dan nyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk rancangan tersebut;
- (b) sama ada rancangan tersebut telah sampai kepada matlamatnya; dan
- (c) sama ada penyelewengan telah berlaku di waktu memberi bantuan di bawah rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rancangan Pemuliharaan Kampung atau pendeknya R.P.K. mempunyai tiga komponen, iaitu Pemuliharaan Rumah, Pemuliharaan Kemudahan Infrastruktur dan Projek Ekonomi. Disebabkan kekurangan peruntukan yang diterima pada tahun ini komponen Pemuliharaan Rumah telah ditangguhkan buat sementara waktu. Namun begitu, R.P.K. masih diteruskan dengan menumpukan kepada komponen ekonomi yang dapat membantu penduduk meninggikan pendapatan mereka.

Untuk tujuan ini industri-industri kampung yang menggunakan bahan-bahan tempatan seperti buluh, rotan, tanah liat dan sebagainya telah ditubuhkan. Tujuannya ialah untuk menggalakkan pengeluaran hasil-hasil

kraftangan untuk dipasarkan bagi menambah lagi pendapatan orang-orang kampung ini. Oleh itu, adalah tidak benar bahawa R.P.K. ini telah dibatalkan.

Apa yang mungkin mengelirukan ialah kerana ramai orang menyangka bahawa R.P.K. adalah semata-mata untuk memulih rumah sahaja. Dengan itu apabila pemuliharaan rumah diberhentikan buat sementara waktu maka mereka menganggap bahawa projek R.P.K. telah diberhentikan ataupun dibatalkan.

Tuan Yang Dipertua, jumlah wang yang telah dibelanjakan sejak tahun 1981 adalah seperti berikut:

1981		\$20,445,508
1982		15,028,439
1983		3,800,000
JUMLAH				..	\$41,282,947

R.P.K. bolehlah dikatakan telah mencapai matlamatnya, tetapi oleh kerana program ini mempunyai bidang yang begitu luas dan terbuka maka pencapaian matlamat sepenuhnya tidaklah dapat ditentukan dengan senangnya. Namun demikian, prestasi program ini sejak tahun 1981 bolehlah dilihat mengikut angka-angka seperti berikut:

1981—

Sebanyak 1,376 kampung telah terlibat dengan bilangan rumah sebanyak 15,233 buah kesemuanya. Bagi projek infrastruktur 1,103 buah.

1982—

Kampung yang terlibat 197. Rumah yang terlibat 19,628 dan sebanyak 804 projek infrastruktur telah pun diusahakan. Jumlah kesemuanya 2,373 buah kampung yang terlibat bagi dua tahun ini dan rumah sebanyak 34,861 buah. Projek-projek semuanya projek infrastruktur sebanyak 1,907.

Tuan Yang Dipertua, agak sukar dipastikan sama ada penyelewengan benar-benar berlaku di bawah rancangan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak menafikan kemungkinan adanya kepincangan dan penyelewengan di peringkat pelaksanaan kerana pelaksanaan rancangan ini sangat-sangat bergantung kepada daya usaha dan kejujuran pegawai-pegawai penggerak yang dilantik khusus oleh Pegawai Daerah bagi menjalankan tugas-tugas ini. Dalam pada itu sekiranya diketahui dengan nyata berlakunya penyelewengan maka tindakan yang tegas akan diambil terhadap pihak yang berkenaan.

TADIKA/TABIKA—JUMLAH BERDAFTAR

11. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Tadika/Tabika dan Kindergarten yang berdaftar di negara ini; nyatakan kejayaan yang dicapai setakat ini dalam usaha melatih guru-guru Kindergarten ini; dan nyatakan juga sama ada Kementerian akan mengeluarkan sukatan pelajaran yang standard bagi semua Kindergarten di negara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, pada ketika ini terdapat 1,572 institusi Tadika yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran yang menampung 138,724 jumlah kanak-kanak.

Oleh sebab pendidikan pra-sekolah berada di luar struktur sistem pendidikan berkanun, Kementerian Pelajaran selama ini tidak mengadakan rancangan untuk melatih guru-guru Tadika. Akan tetapi dalam kajian pendidikan pra-sekolah tahun 1982 dan 1984 yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama UNICEF di antara beberapa aspek kajian yang dititikberatkan termasuklah

komponen latihan pengurusan dan latihan profesyenal bagi guru-guru dan pengurus-pengurus Tadika. Dalam memenuhi kehendak kajian pendidikan pra-sekolah tersebut, Kementerian Pelajaran akan menjalankan satu penilaian terhadap pelaksanaan kurikulum pra-sekolah dan mengkaji implikasi-implikasinya.

Satu Falsafah dan garis panduan kurikulum yang bersatu padu dan seragam bagi semua jenis institusi pendidikan pra-sekolah di negara kita telah pun dibentuk dan disusun oleh Kementerian Pelajaran. Garis panduan kurikulum ini telah pun dipersetujui oleh Seminar Kebangsaan Pendidikan Pra-Sekolah yang ke 2 pada bulan September tahun 1983. Seminar ini diwakili oleh semua agensi-agensi yang berkaitan dengan pendidikan pra-sekolah. Kurikulum ini akan dicuba dan diuji dalam tahun 1984 dan Jabatan-jabatan dari kajian ini akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

MAHASISWA FUKULTI UNDANG-UNDANG UNIVERSITI ISLAM/MALAYA

12. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah mahasiswa bagi Fakulti Undang-undang di Universiti Islam dan Malaya dan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk mengambil mahasiswa yang berumur (Matured students) dan juga menimbangkan kursus tanpa Ijazah di Universiti Malaya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, jumlah mahasiswa dalam kedua-dua Fakulti Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa ialah 73 orang dan di Universiti Malaya ialah 398 bagi sesi 1983 dan 1984. Bagi Universiti Islam Antarabangsa jumlah tersebut adalah merupakan kumpulan pengambilan pertamanya dan pengambilannya adalah dijangka akan

ditambah pada tahun-tahun hadapan yang akan ditentukan oleh Senate universiti berkenaan nanti.

Bagi Universiti Malaya pula pengambilan pelajar-pelajar ke dalam Fakulti Undang-undang pada tiap-tiap tahun ialah seramai 100 orang yang telah dinaikkan dari 60 pelajar mulai sesi 1978/1979.

Setakat ini tidak ada apa-apa cadangan untuk menambahkan bilangan pengambilan tersebut. Pada masa ini kedua-dua universiti tersebut memang ada mengambil pelajar-pelajar yang berumur, dengan izin, mature student atau matured students untuk mengikuti kursus undang-undang, dengan syarat mereka ini hendaklah juga mempunyai sekurang-kurangnya keperluan kelayakan kemasukan yang minima. Umpamanya di Universiti Islam Antarabangsa bagi sesi 1983/1984 seramai 8 orang pelajar berumur telah diambil memasuki Fakulti Undang-undang di universiti tersebut.

Setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan kursus tanpa ijazah dalam undang-undang di Universiti Malaya. Walau bagaimanapun pada masa ini universiti berkenaan ada menerima beberapa pelajar pemerhati dengan izin, non-graduate students yang mengikuti sebahagian kursus-kursus Ijazah Sarjana Muda dalam undang-undang.

Selain daripada itu, universiti berkenaan juga mengendalikan tiap-tiap tahun satu kursus praktik selepas ijazah dalam undang-undang selama 12 minggu yang boleh digunakan oleh pelajar-pelajar bagi maksud mengurangkan tempoh latihan mereka, Reading in Chambers.

PERSENGKETAAN IRAN-IRAQ

13. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia

mengambil peranan bersama dengan negara-negara lain untuk mendamaikan Iran dan Iraq.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, dengan izin saya mohon memaklumkan bahawa soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah pada hari Selasa 20-12-1983 dan tidak ada apa-apa tambahan pada jawapan tersebut.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Soalan tambahan. Mengikut jawapan pada 20-12-83 oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, adakah Rancangan Damai Anjuran Jawatankuasa OIC bagi menamatkan persengketaan atau mendamaikan Iran-Iraq itu dipatuhi oleh kedua-dua kaum atau Iran-Iraq iaitu memberhentikan dengan serta-merta tindakan ketenteraan, mengundurkan tentera masing-masing ke sempadan yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Yang kedua, negara manakah yang menjadi batu api ataupun dalang kepada kedua-dua negara yang bermusuhan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pematuhan itu tidak ada berlaku, tetapi walau bagaimana sekalipun kedua-dua pihak tidak menolak atau reject pengesyoran yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Damai ini.

KELAS TUSYEN

14. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat golongan guru yang membuka kelas-kelas tuisyen (tuition center) dan mengabaikan tanggungjawab di sekolah; jika sedar nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, mengadakan kelas-kelas tuisyen adalah merupakan satu pekerjaan luar atau kerja sambilan yang dilarang bagi guru-guru melakukannya, kerana dikhuatiri pekerjaan luar tersebut boleh menjejaskan tanggungjawab rasminya sebagai seorang guru. Larangan ini diterangkan dengan jelas di bawah Peraturan 5, Perintah Am Bab "B" 1980. Walau bagaimanapun mana-mana pegawai atau guru-guru yang berminat untuk mengadakan kelas tuisyen boleh berbuat demikian dengan syarat ia mendapat kebenaran dari Kementerian Pelajaran terlebih dahulu.

Buat masa sekarang ini Kementerian ada menerima permohonan-permohonan daripada guru-guru untuk melakukan pekerjaan luar khususnya mengadakan kelas-kelas tuisyen dan kebenaran diberi berdasarkan sokongan Ketua atau Guru Besar dan Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing dan juga merit bagi tiap-tiap permohonan itu.

Kementerian tidak sedar adanya guru-guru tersebut mengabaikan tanggungjawab rasmi mereka dalam hal ini. Tanggungjawab bagi mengawasi tata kelakuan mereka itu adalah terletak pada Pengetua-pengetua atau Guru-guru Besar sekolah yang berkenaan, terpujanglah kepada mereka itu tersebut untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dengan cara menasihati ataupun mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana guru yang bersalah kerana mengabaikan tugas mereka. Perlu juga dinyatakan bahawa kebenaran untuk melakukan pekerjaan luar itu hanya untuk tempoh 2 tahun sahaja dan jika didapati ada guru-guru tersebut menyalahgunakan kebenaran yang diberi, maka kebenaran tersebut boleh ditarik balik pada bila-bila masa dan juga permohonannya yang berikutnya akan

ditolak. Di samping itu guru-guru tersebut juga boleh diambil tindakan tatatertib atas sebab mengabaikan tugas. Sekiranya Pengetua-pengetua atau Guru-guru Besar yang berkenaan gagal untuk mengawasi tata kelakuan guru-guru di bawah bidangkuasa, maka mereka juga boleh diambil tindakan tatatertib atas sebab tidak cekap dan tidak bertanggungjawab.

SOALAN NO. 15 DITARIK BALIK

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawasanya jawapan pada soalan yang lebih kurang sama telah pun dibuat pada 14-12-1983 yang baru ini dan sekiranya tidak ada apa-apa tambahan pada jawapan yang telah pun dibuat pada tarikh yang tersebut itu, tidak perlulah Yang Berhormat Menteri membuat jawapan.

HARGA KELAPA KERING

16. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga kelapa kita jatuh merosot sehingga ada kilang kelapa yang terpaksa ditutup disebabkan oleh kerana ada pendapat yang mengatakan minyak kelapa banyak lemak dan tidak baik bagi kesihatan dan juga oleh kerana persaingan hebat dengan minyak lain seperti minyak jagung, minyak kacang dan minyak sayuran; jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mengadakan kempen secara besaran untuk mempopularkan semula penggunaan minyak kelapa dan memperbaiki lagi mutu pengeluarannya untuk memulih dan memajukan semula perusahaan ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, pada masa sekarang adalah didapati harga kelapa kering di peringkat ladang meningkat dari \$51.10 100 kilogram pada bulan Januari kepada \$102.15 100 kilogram pada bulan Oktober.

Harga minyak kelapa juga meningkat dari \$103.30 100 kilogram pada bulan Januari ke \$181.96 100 kilogram pada bulan Oktober. Kenaikan harga kelapa ini telah melegakan bebanan pekebun-pekebun kecil kelapa.

Memandangkan bahawa arah aliran harga adalah dijangka tidak menggalakkan di masa depan, pengeluaran kelapa akan ditumpukan untuk mencukupi permintaan dalam negeri sahaja dengan mengurangkan tanaman kelapa di kawasan-kawasan yang sedia ada sekarang.

Sejajar dengan langkah ini, tanaman koko sebagai tanaman selingan kepada tanaman kelapa akan digiatkan dan ditingkatkan lagi untuk menjamin hasil pulangan yang lebih lumayan kepada pekebun-pekebun kecil.

Berhubung dengan kempen yang disyorkan, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan kempen secara besar-besaran untuk mempopularkan semula penggunaan minyak kelapa.

BAHAGIAN AGAMA, JABATAN PERDANA MENTERI— KEGIATAN

17. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau berpuashati dengan keanggotaan dan kegiatan Bahagian Agamanya; jika tidak nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah lagi kakitangan dan memperkemas bahagian itu; dan

- (b) kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh bahagian itu di dalam kegiatan-kegiatan dakwahnya terutama sekali memandangkan bahawa dakwah yang dijalankan oleh badan-badan lain atau orang-orang perseorangan lebih berkesan di mata orang ramai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, dengan izin,

- (a) Kerajaan memang berpuashati dengan peranan dan kegiatan yang dijalankan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Bahagian ini sentiasa berusaha untuk memberi kefahaman Islam kepada masyarakat keseluruhannya serta membina individu Muslim dan ummah yang maju dan sedar akan tanggungjawab berbuat kebaikan serta mencegah dari kemungkaran supaya Islam dapat dihayati. Di samping itu kajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan Islam di negara ini sentiasa dipertingkatkan, seterusnya pandangan dan perakuan bagi masalah yang berbangkit darinya akan disyorkan kepada Kerajaan.

Semenjak akhir-akhir ini aktiviti Bahagian Agama semakin bertambah pesat dan dengan penubuhan beberapa urusetia baru, seperti Urusetia Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Urusetia Badan Perunding Islam, di samping beberapa urusetia yang telah ada seperti Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

Menyedari tentang hakikat bahawa sesuatu institusi Kerajaan itu perlu dipertingkatkan aktivitinya dari masa ke semasa bagi

menampung keperluan semasa, maka Kerajaan sekarang sedang menyusun semula organisasi dan peranan Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri keseluruhannya. Penyusunan semula ini melibatkan penambahan jawatan dan peningkatan taraf jawatan-jawatan penting seperti Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Pusat Penyelidikan Islam, Pengarah Institut Dakwah dan Latihan Islam, Imam Besar Masjid Negara, Mudir Maahat Tahfiz dan beberapa jawatan lain.

Penyusunan semula Bahagian Agama ini insya Allah akan dilaksanakan pada 1hb Januari, 1984. Di samping pembesaran organisasi dan peranan aktiviti yang akan dijalankan oleh Bahagian ini, kemudahan fizikal bagi Bahagian ini juga sedang dalam proses penyediaan. Sebuah Bangunan Baru Pusat Islam sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Oktober, 1984.

- (b) Kerajaan sedar bahawa kegiatan dakwah yang dijalankan oleh masyarakat Islam pada masa ini telah meningkat dari masa ke semasa. Ini adalah hasil dari dasar Kerajaan tidak menyekat mana-mana pertubuhan dakwah di negara ini menjalankan kegiatan-kegiatannya selagi ianya dilakukan secara sihat.

Dalam hal ini, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri melalui Institiut Dakwah telah dan sedang menjalankan kegiatan dakwah-nya dengan menumpukan kepada sasaran-sasaran seperti berikut:

- (i) semua kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun;

- (ii) Ahli-ahli Pertubuhan Belia/Beliawanis;
 (iii) Pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi;
 (iv) Angkatan Bersenjata seperti Polis dan Tentera; dan
 (v) Penghuni-penghuni di Pusat-pusat Pemulihan dan Perlindungan.

Program-program dakwah yang dijalankan oleh Bahagian ini adalah dalam bentuk kursus dakwah dan kepimpinan Islam, kelas-kelas pengajian agama di Jabatan-jabatan Kerajaan atau surau-sarau dan ceramah-ceramah umum.

Dengan bertambahnya minat masyarakat kepada mempelajari agama melalui kursus-kursus dakwah dan kelas-kelas pengajian, ianya merupakan kejayaan kepada Bahagian ini.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
 Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:
 Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini hendaklah seterusnya menimbang Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) dan Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) dahulu dari Rang Undang-undang Bantuan Guaman.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:
Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini hendaklah seterusnya menimbang Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) dan Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) dahulu dari Rang Undang-undang Bantuan Guaman.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang

Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera Tahun 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1983 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 24, 25, 188 dan memasukkan satu seksyen baru, iaitu seksyen 189A dalam Akta Angkatan Tentera 1972. Dengan pindaan kepada seksyen 24 dan 25 ini anggota lain-lain pangkat boleh dikehendaki berkhidmat dalam perkhidmatan simpanan untuk tempoh yang lebih lama, iaitu selama 5 tahun tanpa mengira tempoh perkhidmatan sepenuh masa mereka dalam Angkatan Tentera atau sehingga mereka meningkat umur 50 tahun mengikut mana yang lebih awal.

Pindaan kepada seksyen 18 pula akan membolehkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang tamat perkhidmatan dimasukkan ke dalam kategori simpanan tanpa mengambil kira sebab-sebab persaraan, pemberhentian atau perletakan jawatan mereka.

Di sini sukacita saya jelaskan tentang perbezaan Pasukan Sukarela dan Pasukan Simpanan. Pasukan Sukarela adalah terdiri daripada orang awam yang berminat berkhidmat dalam Angkatan Tentera secara sukarela. Mereka boleh berkhidmat dalam Askar wataniah ataupun dikenali sebagai Pasukan Simpanan Tentera Darat, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara (PSSTUDM). Mereka ini dikehendaki menghadiri latihan mingguan dan tahunan dan semasa menjalani latihan mereka diberi elaun-elaun sepertimana yang diperuntukkan dalam Undang-undang Tentera. Mereka ini boleh juga memohon untuk dikerah berkhidmat sepenuh masa dalam Angkatan Tentera bagi tempoh-tempoh yang

tertentu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan darurat mereka boleh diwajibkan berkhidmat dalam Angkatan Tentera secara kerahan sepenuh masa.

Pasukan Simpanan Tetap pula terdiri daripada bekas anggota-anggota dan pegawai-pegawai yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan asal dan mengikut syarat-syarat perkhidmatan mereka juga dikehendaki berkhidmat dengan perkhidmatan simpanan ini. Mereka ini tidaklah dikehendaki berkhidmat sepenuh masa tetapi hanya dikehendaki menghadiri latihan tahunan selama dua minggu. Pada hakikatnya mereka ini adalah orang awam dan boleh menjalankan pekerjaan atau aktiviti-aktiviti lain di mana-mana majikan.

Tuan Yang Dipertua, di bawah undang-undang sekarang iaitu Akta Angkatan Tentera 1972 terdapat peruntukan bagi menubuhkan Simpanan Angkatan Tetap yang terdiri daripada simpanan anggota lain-lain pangkat dan simpanan pegawai-pegawai. Penubuhan simpanan anggota lain-lain pangkat adalah dibuat di bawah peruntukan seksyen 24 Akta Angkatan Tentera 1972. Di bawah peruntukan seksyen tersebut bekas anggota lain-lain pangkat yang telah menamatkan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera setelah berkhidmat dalam Perkhidmatan Simpanan selama 2 tahun, bekas anggota lain-lain pangkat yang berkhidmat sepenuh masa dalam Angkatan Tentera adalah tidak dikenakan syarat untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Simpanan.

Tuan Yang Dipertua, bagi menubuhkan sebarang pegawai pula, perbekalan yang berkenaan ialah seksyen 188 Akta Angkatan Tentera 1972. Di bawah peruntukan tersebut bekas pegawai-pegawai yang bersara atas permintaan mereka sendiri atau yang dibersarakan secara paksa sama

ada disebabkan oleh tiada pekerjaan yang sesuai atau oleh sebab mereka telah mencapai umur boleh bersara yang biasa bagi pangkatnya atau diberhentikan kerana telah menamatkan tempoh perkhidmatan jangka pendek boleh dikehendaki berkhidmat dalam Simpanan Pegawai selama tempoh tidak melebihi 5 tahun selepas tarikh persaraan atau pemberhentian dari Angkatan Tentera. Penubuhan Simpanan Pegawai buat masa ini belum lagi dilaksanakan kerana perbekalan seksyen yang sama yang memberi kuasa kepada Menteri Pertahanan untuk menetapkan tarikh pelaksanaannya belum dikuatkuasakan.

Tuan Yang Dipertua, konsep Pasukan Simpanan adalah untuk:

- (a) Membantu Angkatan Tetap dan seterusnya meningkatkan taraf kekuatan Angkatan Tentera untuk pertahanan negara; dan
- (b) Sentiasa bersedia untuk berkhidmat dalam masa kecemasan.

Berdasarkan kepada di atas Pasukan Simpanan adalah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan-keperluan berikut:

- (1) Mengadakan paras kekuatan tambahan apabila perlu.
- (2) Menyediakan tenaga pengganti kepada perajurit-perajurit yang gugur dalam peperangan.
- (3) Menjalankan tugas-tugas yang biasanya dijalankan oleh Pasukan Tetap.

Tuan Yang Dipertua, Malaysia tidak mampu menyediakan satu Angkatan Tetap yang terlalu besar kerana pembayarannya akan membebankan ekonomi negara. Oleh itu adalah lebih praktikal berjimat dan berkesan bagi Kerajaan mengadakan Pasukan-pasukan Simpanan Angkatan Tetap apabila didapati perlu umpamanya

pada masa peperangan atau darurat. Sumber penting untuk mendapatkan anggota simpanan ini ialah dari kalangan bekas anggota atau pegawai tentera sendiri.

Tuan Yang Dipertua, seperti termaklum bekas pegawai Angkatan Tentera mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ketenteraan. Semasa dalam perkhidmatan mereka menerima berbagai latihan di dalam dan di luar negeri dalam berbagai bidang. Mereka ini apabila menjadi pegawai-pegawai simpanan akan merupakan sumber pemimpin peringkat pertengahan yang tidak dapat diperolehi melalui cara pengambilan biasa dalam masa peperangan atau darurat. Untuk menentukan bahawa ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka boleh digunakan apabila diperlukan maka adalah wajar diadakan syarat perkhidmatan simpanan wajib apabila mereka bersara. Dengan ini mereka boleh dikerah semula dalam masa peperangan atau darurat.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah saya jelaskan di awal tadi bahawa di bawah perbekalan seksyen 24 Akta Angkatan Tentera 1972, bekas anggota lain-lain pangkat yang telah berkhidmat sepenuh masa lebih daripada 12 tahun dalam Angkatan Tentera adalah tidak dikenakan syarat-syarat untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Simpanan. Dengan berkurangnya bilangan anggota lain-lain pangkat yang layak dalam Pasukan Simpanan disebabkan kebanyakan mereka ini terus berkhidmat melampaui tempoh yang minima maka bilangan anggota simpanan menjadi semakin berkurangan.

Tuan Yang Dipertua, untuk menambah bilangan simpanan anggota lain-lain pangkat maka dicadangkan semua anggota lain-lain pangkat patut dikenakan berkhidmat dalam

Perkhidmatan Simpanan untuk tempoh yang lebih lama iaitu 5 tahun tanpa mengira tempoh perkhidmatan sepenuh masa mereka atau sehingga mereka meningkat umur 50 tahun mengikut mana yang lebih awal. Bagi tujuan ini maka dicadangkan seksyen 24 dan seksyen 25 Akta Angkatan Tentera 1972 dipinda sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, cadangan ordinan yang tersebut di atas hanya akan dilaksanakan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Pertahanan apabila keadaan didapati sesuai dan memerlukan. Dalam hubungan ini satu peruntukan bagi menepati hasrat ini telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Menteri Pertahanan untuk melaksanakan peruntukan tersebut pada bila-bila masa yang akan ditentukan.

Tuan Yang Dipertua, atas sebab-sebab yang telah dijelaskan sebentar tadi untuk membolehkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang tamat perkhidmatan dimasukkan dalam kategori simpanan adalah dicadangkan seksyen 188 Akta Angkatan Tentera 1972 dipinda sewajarnya. Pindaan-pindaan ini ialah bagi mewujudkan peruntukan supaya lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang menamatkan perkhidmatan dikenakan syarat berkhidmat dalam simpanan. Cadangan ini akan dilaksanakan oleh Menteri Pertahanan pada satu tarikh yang akan ditentukan apabila keadaan memerlukan.

Tuan Yang Dipertua, satu perbekalan baru iaitu seksyen 189A adalah dicadangkan juga dimasukkan dalam Akta Angkatan Tentera 1972 supaya membolehkan anggota Perkhidmatan Simpanan memegang pangkat hakiki yang akhir dipegang oleh mereka semasa mereka berkhidmat dalam Angkatan Tetap.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.17 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Angkatan Tentera 1972 yang bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Angkatan Tentera 1972 berkenaan dengan tempoh pendaftaran dalam Angkatan Tetap dan peruntukan berkaitan dengan penempatan dalam simpanan.

Tuan Yang Dipertua, pindaan ini adalah kena pada masanya kerana Kerajaan sedang berusaha membesarkan serta memodenkan lagi Angkatan Tentera kita. Sebelum saya lanjut, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Angkatan Tentera kita yang selama ini menjalankan tugas-tugas dengan jujur dan berkeyakinan.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengenang kembali serta merakamkan takziah kepada keluarga-keluarga pejuang kita yang terkorban semasa menjalankan tugas demi mempertahankan kehormatan negara agar kita rakyat jelata dapat hidup dengan aman, damai dan selesa.

Tuan Yang Dipertua, musuh yang paling ketara sekarang bagi negara kita adalah ancaman komunis. Kebelakangan ini puak komunis merasa pukulan hebat Angkatan Tentera kita dan mereka tidak dapat bergerak seperti dahulu. Mereka

sedang sedar diri dan ada di antara mereka benar-benar balik ke pangkuan masyarakat.

Baru-baru ini ada berita pihak komunis telah menyerah diri beramai-ramai di sempadan Malaysia/Thai. Walaupun ini adalah kejayaan besar, kita mestilah berwaspada tentang tujuan dan cara mereka ini menyerah diri. Ini mungkin menjadi satu tektik dan peluang mereka untuk menipu dan memperdayakan Kerajaan kita supaya dapat mereka balik ke pangkuan masyarakat untuk rekrut lebih banyak lagi ahli secara diam-diam masuk ke hutan kita tidak tahu. Kita mesti berwaspada tentang perkara ini memandangkan morale mereka adalah terendah sekali sekarang. Musuh ini hendaklah dipelawankan dengan seketat-ketatnya dengan senjata serta peperangan psikologi yang moden. Oleh yang demikian Kerajaan hendaklah memodenkan Angkatan Tentera kita dengan membeli alat-alat moden dan lebih cekap dari musuh.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan memperluaskan lagi Angkatan Tentera dan rekrut lebih banyak lagi rakyat bukan Bumiputera. Saya mengambil peluang ini merayu kepada ahli-ahli politik bukan Bumiputera supaya memainkan peranan yang sewajarnya dengan melancarkan satu kempen bertujuan mendaftar lebih banyak rekrut bukan Bumiputera masuk ke dalamnya. Dengan cara ini angkatan tentera kita dapat mencerminkan koomposisi kaum di negara ini.

Peluang kenaikan pangkat hendaklah diberi kepada semua yang layak tanpa memilih bulu. Bekas anggota Angkatan Tentera juga hendaklah diberi peluang bekerja dengan sektor awam dan swasta dengan memberi keutamaan bagi mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa berita yang tidak

menyenangkan tentang kelakuan anggota Angkatan Tentera kita. Anggota-anggota Angkatan Tentera seharusnya mempunyai moral dan disiplin yang tinggi, tetapi malang sekali mereka terdapat mencampur diri dalam pergaduhan beramai-ramai dengan orang-orang awam semasa pergaduhan mereka dipercayai menggunakan senjata-senjata yang paling merbahaya.

Perkara begini tidaklah sihat bagi moral dan tata tertib Angkatan Tentera. Perselisihan faham keluarga kadangkala dibawa ke tentera dan senjata tentera digunakan untuk menakut-nakutkan orang ramai.

Perkara macam ini patutlah dielakkan dan orang-orang yang bertanggungjawab ini hendaklah diambil tindakan sewajarnya. Baharu-baharu ini terdapat juga ada anggota Angkatan Tentera menggunakan senjata dalam satu kemalangan jalanraya.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi perkara yang amat menyedihkan adalah terdapat beberapa anggota menggunakan senjata Angkatan Tentera untuk merompak. Ini adalah seperti harap pagar, pagar makan padi. Peristiwa begini walaupun kecil, memandangkan jumlah anggota Angkatan Tentera kini tidak mahu keadaan kerana setitik nila merosak susu sebelanga.

Kerajaan hendaklah juga mengambil tindakan yang tegas terhadap anggota Angkatan Tentera yang melibatkan diri dalam kegiatan dadah. Ada yang penagih dadah tetapi yang menyedihkan ada pula yang mengedar dadah. Komunis dan dadah adalah musuh negara. Sebaliknya melawan komunis dan dadah ada pula yang berkawan dengan dadah. Kerajaan hendaklah memastikan anggota-anggota kita tidak terlibat dalam kegiatan ini dan screen semua anggota dari semasa ke semasa.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Angkatan Tentera 1972. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

4.24 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

Tuan Yang Dipertua, Angkatan Tentera ialah merupakan satu benteng yang utama negara kita untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara dan rakyat. Angkatan Tentera kita merupakan angkatan yang telah terbukti kemampuannya mempertahankan negara dari pencerobohan musuh sama ada dari dalam dan luar negara kita ini.

Askar Melayu Diraja misalnya telah memainkan peranan yang penting di dalam usaha mempertahankan negara semasa Jepun melanggar Tanah Melayu dengan semangat keperwiraan yang jitu. Dengan semangat yang tinggi ini dan kepahlawanan yang tiada tolok bandingnya Leftenan Adnan mempertahankan negara sehingga ketitisan darah yang terakhir dan meninggalkan nama yang harum dan sentiasa abadi dalam kenangan kita semua sehingga ke hari ini. Ini merupakan satu sejarah dalam Angkatan Tentera kita.

Dengan itu anggota-anggota Angkatan Tentera sentiasa diberikan perhatian yang rapi oleh Kerajaan untuk memastikan perkembangan dan pembangunan angkatan ini selaras dengan kehendak negara dan masa. Saya mengambil peluang mengucapkan syabas kepada Yang

Amat Berhormat Menteri Pertahanan kerana telah memainkan peranan yang bijak dalam pengendalian Kementerian Pertahanan yang sangat penting bagi negara ini.

Walaupun demikian Tuan Yang Dipertua, saya suka juga memberikan pandangan dalam Dewan kita yang tinggi ini iaitu saya masih berpendapat bahawa bilangan Angkatan Tentera kita adalah masih kecil jika dibandingkan dengan keperluan untuk menghadapi sebarang kemungkinan berdasarkan kepada apa yang berlaku di rantau kita sebelah sini. Walaupun kita percaya bahawa tidak berkemungkinan gelora peperangan akan melanda negara kita, tetapi adalah wajar bagi kita untuk memperlengkapkan Angkatan Tentera kita dengan segala kemudahan dan mutu ketenteraan yang tinggi.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mencadangkan supaya Angkatan Tentera menambah lagi kekuatan tenaga Angkatan Tentera dari jumlah yang ada pada hari ini. Selain dari itu, saya juga menyeru Kementerian Pertahanan supaya memperkemas program latihan yang berkesan untuk memastikan mutu kecekapan Angkatan Tentera yang sentiasa dapat dipertingkatkan ke tahap yang paling tinggi. Tidak ada maknanya kekuatan dari segi bilangan atau keramaian anggota jika mutu kecekapan tidak sampai ke tahap yang sepatutnya.

Saya sangat berbesar hati melihat latihan demi latihan yang dijalankan oleh pasukan kita dan berharap latihan itu perlu diteruskan lagi hingga bila-bila masa.

Satu lagi cadangan saya, Tuan Yang Dipertua, ialah supaya Kerajaan khasnya Kementerian Pertahanan merangka perancangan yang sesuai untuk mewajibkan setiap rakyat diberi latihan tentera setidak-tidaknya selama satu tahun. Dengan ini dapat

kita mewujudkan satu kumpulan rakyat yang bersiap sedia untuk dikerah jika kemungkinan yang buruk timbul.

Selain dari itu, latihan bagi setiap rakyat ini akan dapat juga membantu kita mewujudkan satu masyarakat yang tinggi yang berdisiplin, disiplin kehidupan dan dapat mengelakkan dari terjadinya gejala-gejala buruk seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini pada akhirnya untuk mengucapkan tahniah kepada Angkatan Tentera kita kerana selain dari melaksanakan tugas-tugas ketenteraan, Angkatan Tentera juga telah memainkan peranan yang penting di dalam kegiatan-kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Contohnya, Angkatan Tentera kita telah memainkan peranan utama untuk membantu rakyat yang kesusahan di dalam mala petaka banjir di masa-masa yang sudah ini.

Yang akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan juga bahawa Angkatan Tentera telah memainkan juga peranan yang sangat besar dalam usaha menggalakkan pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera kita melabur dalam skim Amanah Saham Nasional. Saya difahamkan sehingga 30hb Mac, 1983, seramai 86,000 orang anggota Angkatan Tentera kita telah melabur dalam skim Amanah Saham Nasional ini dengan jumlah pelaburan sebanyak \$36 juta. Ini juga membuktikan bahawa Angkatan Tentera merupakan satu angkatan yang sungguh sensitif terhadap pembangunan negara kita.

Dengan sepatih dua ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

4.30 ptg.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972. Sebab-sebabnya saya menyokong ialah terutamanya pindaan ini akan memberikan jaminan ataupun insuran kepada angkatan tentera kita supaya ianya sentiasa mempunyai tenaga simpanan yang lebih besar lagi untuk digunakan dengan serta-merta apabila dikehendaki kelak.

Yang keduanya, pindaan ini juga akan memberi masa yang berlanjutan untuk melatih anggota-anggota baru jika ada apa-apa kejadian yang akan melibatkan kerahan tenaga untuk pertahanan negara.

Pada pendapat saya, pindaan ini sangatlah wajar dan selaras dengan perkembangan angkatan tentera pada ketika ini dan saya jangka ianya akan memberi faedah besar kepada Kementerian Pertahanan khususnya dan negara kita amnya. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan yang telah mewujudkan Akta yang akan dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan), 1983 dan saya harap pihak berkenaan dapat menguatkuasakan Akta ini dengan secepat mungkin.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyuarakan kebimbangan saya di atas masalah-masalah yang akan timbul apabila undang-undang baru ini dikuatkuasakan kelak, iaitu satu undang-undang yang akan melanjutkan tempoh pendaftaran dalam angkatan tentera tetap. Tuan Yang Dipertua, saya khawatir ianya akan menjejaskan sedikit sebanyak masalah pokok yang sedang dialami oleh angkatan tentera kita pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa angkatan tentera kita sedang mengalami tiga masalah besar

berkaitan dengan keanggotaannya. Masalah pertama ialah kesukaran mendaftarkan anggota-anggota tentera yang berkecukupan.

Masalah kedua, kesukaran menyimpan anggota-anggota yang sedang berkhidmat.

Masalah yang ketiga, kesukaran menggalakkan anggota-anggota yang sedang berkhidmat menyambung semula perkhidmatan mereka apabila sampai masanya untuk berbuat demikian.

Masalah keanggotaan ini adalah saya tafsirkan sebagai masalah pokok yang telah melibatkan beberapa kejadian dan laporan dan seterusnya telah menjejaskan dan merosakkan imej dan prestasi angkatan tentera kita yang disanjung tinggi oleh sekalian rakyat Malaysia selama ini.

Tuan Yang Dipertua, bukanlah niat saya pada hari ini untuk menghuraikan satu persatu masalah yang kita sedia maklum dan bukanlah niat saya untuk menyalahkan sesiapa pun di dalam isu ini. Tujuan saya kali ini ialah semata-mata untuk menyumbangkan beberapa cadangan radikal yang saya ramalkan akan dapat mengurangkan sebahagian daripada masalah yang sedang dialami oleh angkatan tentera kita pada masa ini berkaitan dengan keanggotaannya dan seterusnya saya harap dapat mencegah segala masalah-masalah yang mungkin akan timbul apabila Akta (Pindaan) ini dikuatkuasakan kelak.

Cadangan-cadangan saya yang ingin saya bantangkan di Dewan ini ialah seperti berikut:

Pertama, saya mencadangkan Kerajaan kita mengecualikan pendapatan anggota angkatan tentera kita daripada bayaran cukai pendapatan. Seperti Tuan Yang Dipertua sedia maklum, Dewan ini

baru-baru ini sahaja telah meluluskan satu Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan), dengan izin saya bacakan:

“Mengecualikan pendapatan mana-mana orang yang memperolehi dari menjalankan kerja di atas kapal Malaysia. Pengecualian ini diberi kepada semua pekerja-pekerja tersebut sama ada mereka itu bertugas di kapal yang berlayar dalam perairan antarabangsa ataupun perairan tempatan. Tujuan galakan cukai tersebut ialah untuk menggalakkan ramai lagi rakyat kita bekerja sebagai pelaut di dalam industri perkapalan”.

Jadi pada pendapat saya iaitu jikalau kita semua serta rakyat kita semua, serta rakyat semua sanggup memberikan keistimewaan ini kepada industri perkapalan, maka saya yakin rakyat juga rela memberikan keistimewaan seperti itu juga kepada perajurit-perajurit kita yang sedang menggadaikan nyawa mereka untuk pertahanan negara. Cadangan saya yang kedua ialah saya mencadangkan supaya Kerajaan menyewa rumah awam seperti Kerajaan menyewa pejabat-pejabat untuk melegakan dan juga memperlindungan keluarga-keluarga angkatan tentera kita. Hak mereka untuk diberi perumahan adalah termaktub di dalam peraturan pendaftaran. Oleh yang demikian, saya rasa Kerajaan haruslah melupakan bayaran elaun sewa rumah kepada individu-individu itu dan seterusnya memperolehi kemudahan perumahan yang mereka berhak mendapat. Saya sedia maklum iaitu Kementerian Pertahanan ada juga baru-baru ini mengadakan satu skim perumahan berkelompok di sesebuah negeri di Malaysia. Saya ingat pada pendapat saya setakat ini perkara ini hendaklah diperluaskan ke merata-rata tempat di Malaysia. Apa yang sedih sekali dalam perkara ini ialah kalau saya boleh memberi contoh iaitu di Kuala

Lumpur—di Kuala Lumpur ini perajurit kita diberi elaun rumah sebanyak \$70-\$80 sebulan untuk menyewa sebuah rumah. Jadi tak usahlah saya bercakap lebih banyak lagi dalam perkara ini kerana memang payah hendak kita terima di akal. Jadi saya harap lupakanlah sahaja memberi elaun-elaun ini kepada perajurit kita, sediakanlah rumah-rumah yang mereka berhak.

Cadangan saya yang ketiga ialah saya mencadangkan kepada Kerajaan, hadiahkanlah sekeping tanah kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan yang berlebihan masa daripada asal, seumpamanya apabila mereka telah berkhidmat dalam tempoh 15-20 tahun ke atas mereka itu perlu diberi sekeping tanah untuk mendirikan rumah sebagai mengenang jasa mereka. Soal tanah ini sangatlah menyedihkan kepada perajurit-perajurit kita sekalian. Saya ingin memberikan contoh yang sebenar-benarnya terjadi semasa saya di dalam perkhidmatan tentera. Hal ini terjadi kepada pihak tentera yang di bawah jagaan saya.

Ada dua tiga daripada mereka itu telah berkhidmat bersama saya di negeri Perak. Mereka ini asal daripada negeri yang lain. Jadi apabila mereka itu bermastautin di Perak, mereka telah meminta tanah. Jadi jawab pihak Kerajaan ialah awak bukan orang Perak. Jadi susahlah saya hendak beri tanah dalam negeri ini. Apabila kita pergi ke Sarawak, jawabnya pun begitu juga. Dan di Kelantan seperti kita semua maklum, orang-orang luar tidak pernah dibenarkan membeli atau mendapat tanah daripada Kerajaan. Jadi orang yang berkenaan balik ke negeri masing-masing. Dua daripadanya balik ke negerinya Johor selepas habis khidmat. Sampai di Johor ia terus meminta/memohon sekeping tanah untuk mendirikan rumah. Soalan dipertanyakan kepada mereka ini apakah jasa awak kepada Johor. Kalau

tidak ada jasa susahlah kita hendak menimbangkan untuk hendak memberi tanah. Jadi itulah sahaja saya katakan, soal tanah ini sangatlah menyedih. Perajurit-perajurit kita ini memang tidak ada peluang untuk hendak membeli ataupun memohon tanah semasa berkhidmat kerana kebanyakan masanya ialah di dalam hutan.

Cadangan yang keempat, ingin saya membuat di sini ialah mengkhaskan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah murid-murid di semua sekolah-sekolah berasrama di negeri kita ini kepada Anggota Angkatan Tentera.

Cadangan yang kelima, saya mencadangkan Kerajaan memberikan tambangan percuma keretapi atau kapal terbang pada setahun sekali kepada pesara-pesara yang telah berumur 55 ke atas untuk membolehkan mereka bercuti di mana-mana tempat di Malaysia.

Dan cadangan penghabisan sekali saya mencadangkan Kerajaan menyediakan rumah-rumah persinggahan dan seterusnya menambahkan lagi rumah-rumah rehat untuk anggota-anggota yang berpangkat rendah.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja cadangan saya yang ingin saya bentangkan pada hari ini. Seperti saya sebutkan tadi tujuan saya ialah semata-mata untuk menyumbang beberapa cadangan radikal yang saya ramalkan akan dapat mengurangkan sebahagian daripada masalah yang sedang dialami oleh anggota tentera kita pada masa ini. Dan seterusnya saya harap dapat mencegah segala masalah yang saya ramalkan akan timbul apabila Akta (Pindaan) ini dilaksanakan kelak. Saya yakin ianya semua harus dapat dilaksanakan dengan sempurna dan hasilnya sudah tentu akan mewujudkan satu Angkatan Tentera

yang lebih cekap, yang lebih amanah dan yang lebih berdisiplin. Sekian, Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

4.45 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:
Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain turut mengambil bahagian di dalam satu Rang Undang-undang di hadapan kita sekarang iaitu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya memberi apa-apa sedikit pandangan dan pendapat saya sukalah saya mengambil peluang bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada tentera-tentera kita yang telah berkhidmat dengan cemerlang mempertahankan negara kita ini sehingga kita berada dalam keadaan yang aman dan tenteram. Semenjak kita Merdeka dahulu lagi sehingga pada sekarang ini walaupun kita telah diancam oleh pengganas-pengganas komunis tetapi dengan tabah dan kesetiaan yang telah ditunjukkan oleh Angkatan-angkatan Tentera kita yang berkhidmat dengan cemerlang rakyat Malaysia berada dalam keadaan yang baik. Dan diharapkan semangat yang telah ditunjukkan itu akan terus-menerus dikekalkan supaya keadaan negara kita ini tidak mudah diancam oleh mana-mana musuh.

Saya dalam menyokong pindaan Akta Tentera 1972 ini sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan baru sekejap yang menitikberatkan soal Angkatan Tentera kita yang tamat tempoh perkhidmatannya hendaklah dijadikan sebagai tentera simpanan tetap. Sekiranya ada berlaku musuh, huru-hara dan ada anasir-anasir yang cuba hendak mengacau ataupun cuba hendak membetulkan keadaan yang

ada sekarang ini tentulah barangkali tentera simpanan ini akan dikerah semula untuk berkhidmat kepada negara. Saya suka menyatakan di sini satu perkara iaitu bekas-bekas tentera kita ini kalau kita lihat ada yang bersara dengan umur 55 tahun. Ada juga yang bersara umurnya kurang daripada tempoh itu yang mereka itu masih segar sihat.

Saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini mana-mana bekas tentera yang telah bersara kurang daripada umur 55 tahun hendaklah Kerajaan menetapkan suatu arahan khusus kepada jabatan-jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun supaya keutamaan pekerjaan diberi kepada mereka ini sesuai dengan jawatan dengan kelulusan yang ada pada tentera-tentera kita yang bersara ini. Kalau ini dapat kita laksanakan saya nampak bagi pemuda kita yang akan datang ini barangkali merasa suatu jawatan yang amat disukai dalam bidang tentera ini kerana apakala mereka bersara atau apakala mereka tamat perkhidmatannya mereka akan dapat tempat dalam jabatan Kerajaan atau badan-badan berkanun.

Saya rasa amat patut ini diberi kerana memandangkan kepada keadaan penat dan keadaan yang begitu susah yang telah dijalankan semasa dia dalam pasukan tentera. Walaupun kita semua tidak pernah mengikut mereka ke hutan-hutan rimba yang tebal-tebal tetapi dari pengalaman-pengalaman atau dari cerita-cetita pasukan tentera kita yang telah menempuh hutan untuk membenters komunis dan lain-lain dalam suatu pekerjaan yang telah susah sekali.

Saya rasa elok sangatlah kalau Kerajaan menetapkan satu dasar sekiranya ada mana-mana jawatan yang kosong hendaklah diberi kepada bekas-bekas tentera kita ini sesuai dengan kelulusan atau kelayakan yang ada pada mereka masing-masing.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, soal penempatan ataupun setelah tentera-tentera kita ini bersara mereka tidak ada peluang untuk membuat rumah atau membeli tanah lebih-lebih lagi dengan keadaan yang ada sekarang ini harga tanah atau harga rumah yang begitu mahal.

Saya juga mengesyorkan atau mencadangkan di sini bahawa tiap-tiap negeri hendaklah diperuntukkan apakala diadakan projek perumahan yang agak sederhana ataupun rendah hendaklah diberi keutamaan sungguh-sungguh kepada bekas Angkatan Tentera ini. Kerana kalau hendak mengharapkan bekas-bekas tentera kita ini dapat membeli rumah dengan sendiri atau membeli tanah sebagaimana yang saya katakan tadi barangkali susah kerana harga tanah dan harga rumah yang mahal tetapi kalau rumah yang dibina di bawah rancangan perumahan Kerajaan umpamanya atas kos sederhana ataupun kelas rendah tentulah barangkali mereka ini mampu membeli dan dapatlah mereka berlindung duduk dengan isteri dan anak-anak mereka.

Kita tahu bahawa tiap-tiap seorang pemuda kita ini kebanyakannya sewaktu dia masuk menjadi ahli dalam tentera ini mereka belum kahwin dan sudah mereka berkhidmat beberapa tahun dalam tentera dia pun kahwin dan telah menjadi adat kita bila berkahwin dapat anak, jadi sewaktu mereka bertugas barangkali mereka tidak susah kerana diberi tempat ataupun quarters bagi mereka ini. Tetapi apakala mereka tamat sahaja yang kita lihat mereka terpaksa balik menumpang di rumah mertua atau bapanya sendiri dengan keadaan yang tidak begitu bebas. Jika kita adakan satu peruntukan seperti ini barangkali setahun lagi umpamanya dia akan tamat perkhidmatannya dia boleh mulai membuat permohonannya kepada mana-mana projek perumahan

Kerajaan di tiap-tiap negeri asalnya masing-masing supaya apakala tamat perkhidmatannya dia terus boleh berpindah daripada tempat dia bertugas kepada rumah yang dibeli ataupun dicadangkan untuknya. Saya rasa ini satu perkara yang agak saya baik untuk membalas jasa dan khidmat yang telah ditunjukkan olehnya sewaktu dia bertugas. Sebagaimana kita telah maklum bahawa pasukan-pasukan tentera kita ini—pasukan askar kita ini tentulah dia berkhidmat pernah dicakapkan bahawa perkhidmatan mereka di hujung pedang ataupun di hujung senapang dan sebagainya. Kalau mereka menjalankan tugas begitu cemerlang maka sewajarnya pihak Kerajaan ataupun Kerajaan—negeri, Negeri juga memberi satu pertimbangan yang agak sungguh-sungguh kepada mereka ini.

Saya juga suka hendak menyentuh sedikit keadaan yang ada pernah berlaku yang kita dengar dalam suratkhobar pun ada cerita pun ada iaitu pasukan askar kita pernah berlaku pergaduhan, macam satu ketika dahulu satu pergaduhan antara pasukan tentera dengan pasukan polis tetapi saya harap kalaulah perkara ini berulang lagi berlaku saya minta Kerajaan atau pihak Kementerian yang berkenaan cepat-cepat mencari jalan mendamaikan pergaduhan ataupun perselisihan faham itu, dan kepada akhbar-akhbar saya rasa janganlah terlalu cepat kita hendak mengeluarkan berita seperti ini sebab keburukannya ataupun hasilnya akan mendatangkan perasaan marah kepada ahli-ahli lain yang tidak terlibat dalam pergaduhan itu. Kalau kita keluarkan berita yang hangat atau keluarkan satu keadaan yang hangat mungkin barangkali ahli-ahli atau orang-orang lain yang tidak terlibat pun dia akan turut merasakan kaumnya telah bergaduh dan yang tidak kena-mengena pun rasa simpati dengan pergaduhan itu.

Bukan setakat itu sahaja perkara ini boleh berjangkit kepada masyarakat kita pula. Kalaulah misalnya kata pihak Tentera bergaduh dengan pihak Polis, katalah masyarakat yang ada ini dalam tentera dan masyarakat yang ada ini dalam polis pula dia akan menimbulkan satu suasana yang tidak baik. Jadi, saya mintalah menerusi Dewan yang mulia pada hari ini sekiranya ada berlaku cepat-cepat pihak Kementerian berkenaan mengambil tindakan dan saya merayulah kepada akhbar supaya jangan cuba memanaskan keadaan yang berlaku itu. Mudah-mudahan barangkali dengan kebijaksanaan Menteri-menteri yang berkenaan akan dapat menyelesaikan dengan keadaan aman dan damai, keadaan baik mudah-mudahan tidak berjangkit daripada satu orang ke satu orang, daripada satu mulut ke satu mulut dan sebagainya.

Satu lagi dalam suratkhobar satu dua hari ini kita tidak tahu apa yang sebenar tetapi banyak orang bercakap bahkan menjadi juga sebagai kata orang sudah menjadi buah mulut sekarang ini adanya Jeneral-jeneral kita yang berhenti dan sebagainya.

Keadaan ini saya yakin bahawa dalam pentadbiran ini tidak timbul barangkali satu masalah tetapi entah macam mana tidak tahu sekarang ini sudah menjadi buah cakap, ada tentera-tentera kita berhenti kerana tidak puas hati dan ada yang akan berhenti lagi, itulah yang dicakapkan oleh masyarakat kita hari ini. Kita sendiri tidak faham, tidak tahu dan kita berharap dan kita percaya apa yang sebenarnya ada dalam tentera itu keadaannya tidak ada apa-apa benda yang boleh membahaya atau merosakkan tetapi masyarakat kita dapat bercakap dalam soal ini dan sedang bercakap. Saya khuatir dan bimbang kalaulah angin kencang ini kuat bertiupnya barangkali suatu kepercayaan atau suatu perkara yang tidak baik mungkin timbul.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya benar-benarlah mengharapkan kepada pihak Kementerian Pertahanan supaya membendungkan perkara ini dan mencari jalan supaya masyarakat kita tidak bercakap di sana sini mengenai perkara ini. Sebab seperti saya katakan tadi perkara ini pada pendapat saya adalah tidak benar barangkali. Tetapi dengan apa yang diucap atau apa yang dicakapkan oleh masyarakat kita ini sudah tentu akan menimbulkan sesuatu yang tidak baik. Jadi tidak ada lain orang selain daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Pertahanan sahaja yang boleh mengatasi masalah ini.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kita harap kalau perkara ini timbul, satu penyelesaian yang baik akan dapat diatur atau dapat dimainkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak ada apa-apa lagi komen atau pandangan saya dalam masalah ini, tinggal lagi saya ulangi dua perkara cadangan saya tadi supaya dapat pihak Kerajaan mengambil langkah segera iaitu mengadakan satu peraturan, keutamaan hendaklah diberi kepada bekas-bekas angkatan tentera kita, dan yang keduanya dari segi perumahan-perumahan Kerajaan mestilah keutamaannya diberi kepada mana-mana bekas angkatan tentera kita yang telah bersara supaya dapat mereka dilindungi dari panas dan hujan untuk anak beranaknya selepas mereka berkhidmat kepada bangsa dan negara kita di Malaysia ini.

Jadi setakat itulah, Tuan Yang Dipertua, saya sokong ke atas pindaan Akta Angkatan Tentera 1972.

5.02 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin untuk mengambil bahagian

dalam meminda Akta Angkatan Tentera 1972 yang mana telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sebentar tadi. Di sini saya juga bersama-sama dengan kawan-kawan dan rakan-rakan yang lain mengucapkan tahniah di atas usaha Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan yang membuat atau meminda Akta ini bagi kepentingan negara kita di masa-masa akan datang.

Satu kepujianlah, seperti kata pepatah Melayu siapkan payung sebelum hujan. Dengan adanya Akta ini pegawai-pegawai simpanan, askar-askar yang telah berhenti, pegawai yang telah berhenti, akan dikhaskan sebagai simpanan pegawai-pegawai atau simpanan angkatan tentera tetap yang mana pada satu masa jika sekiranya masalah-masalah yang timbul, huru-hara yang timbul dalam negara kita ini, kita telah ada pegawai-pegawai, tentera-tentera kita yang terlatih yang telah pun siap sedia ada yang mana bila-bila masa boleh kita panggil mereka untuk berkhidmat semula bagi mempertahankan negara kita jika dicerobohi sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri. Dalam masalah ini saya juga menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah.

Seksyen baru Akta ini iaitu Seksyen Baru 189A mengatakan, "Askar-askar yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap adalah berhak sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam simpanan memegang pangkat hakiki yang akhir dipegang olehnya semasa berkhidmat dalam angkatan tetap". Memanglah rasa saya kalau hendak dipanggil balik semula, kalau pangkatnya Sarjen, kalau dipanggil balik dalam simpanan, turun pula pangkatnya, memanglah tidak begitu. Ini rasa saya memanglah sesuai tetapi hanya di sini saya berharap bahawa kita tahu askar-askar kita ini yang telah

pencen, ada yang muda-muda belum menjangkau umur 40 tahun pun ada, 45 tahun pun ada, masih tegap lagi tetapi mereka telah pencen dari angkatan tentera mengikut Akta ini mereka ini diwajibkan sebagai anggota simpanan dalam masa lima tahun ataupun lebih. Saya berharap kepada Kerajaan, mereka ini sungguhpun dalam Angkatan Tentera simpanan, dalam Rang Undang-undang ini tidak dinyatakan sama ada hendak diberi elaun ataupun tidak kepada mereka semasa mereka di dalam simpanan ini. Kalau tidak saya mengesyorkan supaya diberi sedikit elaun kepada mereka ini. Kalau kepada pegawai-pegawai yang besar, pangkat-pangkat yang tinggi, rasa saya ini tidaklah perlu kerana mereka ini kemungkinan telah pun berhenti, hari ini sahaja mereka berhenti, esok akan ada orang menawarkan mereka ini jawatan sebagai Pengarah ataupun Kompani Direktor, kemungkinan mereka hendak berhenti juga telah bersedia untuk menyediakan satu syarikat untuk mereka berniaga. Tetapi kepada askar-askar yang berjawatan rendah, mereka ini bak kata orang, gaji yang dia dapat itu tidak ubah kata pepatah Melayu, "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Secukup makan sahaja untuk menampung anak dan isteri mereka. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengesyorkan hanya kepada jawatan-jawatan rendah supaya diberi elaun tetap selama Kerajaan menganggap mereka itu sebagai anggota simpanan tentera yang bersara.

Di samping itu juga bagi memberitahu, ini juga rasa saya bagus untuk menjadi mata dan telinga Kerajaan. Mereka ini yang telah pun bersara dan duduk di kampung-kampung ataupun telah balik ke kampung mereka ini juga patut diberi satu tugas yang mana supaya mereka ini menjadi mata dan telinga Kerajaan dan mereka ini juga diisytiharkan atau diberitahu kepada Pegawai-pegawai

Daerah atau Datuk-datuk Penghulu kampung, mengatakan di dalam kawasan tuan-tuan ada si polan-si polan lima ataupun sepuluh orang pegawai tentera yang mereka ini adalah angkatan tentera simpanan yang mana pada bila-bila masa mereka ini boleh menolong Kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, dalam masalah ini rasa saya jika ada masalah timbul, Pegawai-pegawai Daerah dan sebagainya boleh memanggil mereka ini menyelesaikan ataupun bertugas jika ada masalah-masalah yang timbul, huru-hara dalam kawasan-kawasan tersebut sementara Kerajaan atau Kementerian memanggil mereka ini keluar untuk bertugas dengan Kementerian semula.

Soal yang lain, tadi telah pun diperbincangkan begitu hangat dan juga disuarakan oleh rakan-rakan saya berhubung dengan apabila mereka telah bersara dengan ketiadaan tanah yang tidak dapat untuk diminta, hendak minta lesen teksi pun tidak boleh, hendak minta lesen berniaga pun tidak boleh. Habis bagaimana mereka hendak hidup? Dalam keadaan ini kita berharap pihak-pihak tertentu khasnya kepada Pengerusi-pengerusi Lembaga-lembaga yang diarahkan oleh Kerajaan, umpamanya, Pengerusi Pelesenan Teksi, Kenderaan, Pengerusi-pengerusi yang lain yang ada sangkutan supaya mereka ini janganlah terlampau sangat, kalau askar-askar ini datang bertanya itu dan ini, kalau sudah nampak mereka ini telah tetap, mereka itu telah sah adalah bekas tentera, saya rasa tak usahlah dipersoalkan begitu banyak. Beri sahajalah umpamanya lesen teksi, lesen jualan, lesen berniaga dan sebagainya, berilah kepada mereka ini, kerana mereka ini baru hendak hidup kerana mereka telah pun sekian lama duduk berjuang menentang komunis, menentang musuh yang duduk dalam hutan yang tidak tahu siang dan malam, tidak tentu hujan dan panas, meninggalkan anak dan isteri. Maka

berilah peluang kepada mereka umpamanya perumahan sepertimana yang diucapkan oleh rakan-rakan saya tadi beri kelonggaran kepada mereka ini untuk menempuh penghidupan baru mereka bagi duduk dengan orang awam.

Begitu juga tentang persekolahan anaknya. Kita tahu anak-anak askar ini memang tidak tetap di satu-satu sekolah itu. Kadang-kadang mengikut ayah mereka, bapa mereka, kalau pindah dari satu tempat ke satu tempat terpaksa berpindah sama.

Begitu juga pertukaran-pertukaran sekolah terpaksa bertukar bersama. Oleh itu, dalam keadaan ini kemungkinan pelajaran anak-anak askar ini terganggu. Kemungkinan ada di kalangan mereka ini juga yang pandai, yang bergeliga otaknya tetapi oleh kerana pertukaran ini selalu berlaku kepada bapa-bapa mereka, maka kemungkinan terganggu pelajarannya. Oleh itu dalam keadaan ini kadangkala ada yang dapat 5A dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V, umpamanya dapat 3A, 4A dan sebagainya tetapi bila mereka ini berkehendakkan untuk masuk ke asrama ataupun sekolah berasrama penuh tidak dapat. Apa yang dikatakan oleh Kementerian, mereka ini hendaklah dapat 5A bolehlah dipertimbangkan tetapi 3A dan 4A dia kata tidak boleh mengikut undang-undang. Oleh itu dalam keadaan ini saya rasa perlulah pihak Kementerian Pelajaran khususnya menimbangankan anak-anak askar ini supaya diberi kelonggaran sedikit dengan kemasukan ke darjah-darjah yang saya sebutkan tadi sama ada Tingkatan ataupun Darjah 1 dan sebagainya supaya dapat melonggarkan dan dapat memberi peluang kepada anak-anak askar ini belajar sama sebagaimana yang didapati oleh orang-orang awam.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah hendak berucap lagi kerana yang lain telah pun

disuarakan oleh rakan-rakan saya. Oleh itu dengan ini juga saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera, 1972. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.11 ptg.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan K. Kumaran, Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun, Yang Berhormat Lt. Kol. (b) Abdul Hamid Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah atas sokongan yang diberi oleh mereka kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya akan cuba menjawab syor-syor dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka walaupun kebanyakan pandangan-pandangan yang dikemukakan itu terkeluar ataupun tidak berkaitan dengan pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang yang dimaksudkan. Kepada syor-syor yang tidak dapat dijawab, Kementerian Pertahanan akan mengkaji dengan seriusnya cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka itu.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator K. Kumaran di dalam ucapannya telah mengesyorkan supaya Kerajaan membekalkan tentera-tentera kita dengan senjata-senjata moden dan mengambil langkah untuk membesarkan lagi Angkatan Tentera kita. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melancarkan kempen pembesaran Angkatan Tentera dan ini

bukan sahaja melibatkan penambahan bilangan anggota-anggota Angkatan Tentera malahan melengkapkan mereka dengan peralatan-peralatan moden.

Yang Berhormat Tuan K. Kumaran juga mengesyorkan supaya pasukan tentera terdiri dari berbagai-bagai kaum. Dasar yang kita amalkan sekarang di dalam pengambilan anggota-anggota baru dalam perkhidmatan tentera adalah dasar terbuka kepada semua rakyat negara ini tanpa mengira kaum yang benar-benar ingin berkhidmat dalam pasukan keselamatan tanpa ada apa-apa paksaan. Konsep mempertahankan negara tidaklah terletak kepada satu-satu kaum sahaja tetapi kepada semua yang cintakan tanahair.

Perlu juga diingat bahawa setiap pekerjaan yang disandang oleh tiap-tiap orang memang mempunyai kaitan rapat dengan minat. Sekiranya minat tidak ada maka sesuatu pekerjaan yang kita tawarkan itu mungkin kurang mendapat perhatiannya dan sebaliknya. Soal mengapa bilangan kaum bukan Melayu kurang memasuki Angkatan Tentera berbanding dengan kaum Melayu juga berkait dengan minat. Inilah sebabnya Kerajaan terpaksa mengadakan kempen untuk menarik minat kaum-kaum lain dalam Angkatan Tentera. Kempen ini dibuat melalui berbagai program seperti pameran-pameran, ceramah-ceramah di merata-rata tempat termasuk di sekolah-sekolah Cina, India dan lain-lain. Pihak media-massa juga telah mengambil daya usaha untuk memainkan peranan menarik minat belia-belia kita memasuki pasukan Angkatan Tentera.

Tentang soal kenaikan pangkat ini adalah didasarkan kepada beberapa faktor seperti kebolehan, pengalaman, latihan dan kesesuaian seseorang

anggota itu dan tanggungjawab jawatan yang hendak diisi itu. Soal pilih kasih tidak timbul langsung.

Berkenaan dengan soal disiplin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu banyak penjelasan telah saya beri mengenai perkara ini dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator Jaafar Harun telah membangkitkan soal memberi keutamaan kepada bekas perajurit. Ini memang dilakukan bukan sahaja dalam mendapat pekerjaan dengan Kerajaan tetapi juga dalam hal-hal tender. Cadangan oleh Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun supaya Perkhidmatan Negara (National Service) diwujudkan di negara ini tidaklah sesuai dalam keadaan sekarang ini kerana membabitkan unsur paksaan. Menurut pengalaman di negara-negara yang mengamalkan sistem ini, sering timbul masalah dari segi politik di mana didapati ada sahaja di dalam satu-satu kumpulan masyarakat itu yang enggan dipaksa berlatih memegang senjata terutama sekali pada masa mereka berpendapat yang ancaman kepada negara belum lagi benar-benar dekat. Perkhidmatan yang membabitkan unsur paksaan akan menekan bebanan yang besar kepada pihak tentera sendiri. Dari segi kos dan kemampuan sistem Perkhidmatan Negara tidaklah berkesan apabila kita memandangkan bahawa anggota-anggota tentera hari ini memerlukan kemahiran yang beraneka jenis di mana mereka ini perlu dilatih secara berterusan di dalam masa perkhidmatan mereka. Tugas memberi latihan ini dalam kita memperkembangkan tentera biasa sudah pun berat. Kita tidak boleh mengurangkan latihan tentera biasa untuk melatih sebilangan besar rakyat untuk Skim Perkhidmatan Negara. Skim Pasukan Sukarela yang ada sekarang adalah satu sistem yang

terbaik untuk memupuk perasaan cintakan tanahair dan semangat tanggungjawab yang ada berkobar di kalangan rakyat demi mempertahankan negara.

Yang Berhormat Senator Lt. Kol. (B) Abdul Hamid telah membangkitkan persoalan keengganan anggota-anggota tentera untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka dalam Angkatan Tentera dan seterusnya Ahli Yang Berhormat telah pun memberi beberapa cadangan yang dikatakannya sendiri sangat radikal untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan anggota tentera. Tuan Yang Dipertua, segala cadangan-cadangan yang radikal itu yang diberi oleh Yang Berhormat akan kami kaji satu persatu.

Yang Berhormat Senator Lt. Kol. (B) Abdul Hamid dan juga Yang Berhormat Senator Haji Ariffin Salleh telah membangkitkan perumahan untuk Angkatan Tentera dan mencadangkan supaya pihak Angkatan Tentera menyewa dan membeli rumah kelompok. Terima kasih atas perhatian berat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya memang sedar tentang keperluan rumah kelamin dan buat masa ini Kerajaan sedang menyewa lebih dari 1,300 unit rumah atau bangunan berkelompok di merata-rata tempat untuk kediaman anggota-anggota tentera kita. Pembelian rumah berkelompok sejumlah 2,400 buah telah pun diuruskan dan sedang mencari peluang untuk menaikkan bilangan ini di tempat-tempat yang sesuai. Usaha juga sedang dibuat untuk mempercepatkan keperluan ini dengan membina rumah-rumah pasang-siap, dengan izin, prefabricated housing, seperti di Pengkalan Lumut di mana 39 blok rumah kediaman bagi anggota rendah dibina.

Pihak FELDA telah memperuntukkan kuota kepada bekas anggota tentera sebanyak 20% untuk mendapat tanah rancangan FELDA. Kementerian Pertahanan memanglah memberi galakan dan sokongan kepada bekas perajuritnya untuk mengambil peluang mendapatkan tanah rancangan FELDA. Malangnya sambutan daripada bekas perajurit tidak begitu menggalakkan. Kementerian Pertahanan sedar di atas kesulitan untuk bekas perajurit mendapat tanah Kerajaan di negeri-negeri. Dalam hal ini Kementerian Pertahanan sentiasa membuat sokongan di atas permohonan mereka kepada pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang Dipertua, Senator Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh telah mencadangkan supaya Kerajaan memberi keutamaan mendapat kerja bagi mereka yang bersara semasa umur kurang daripada 55 tahun. Seperti yang telah saya jelaskan di awal tadi, peraturan telah pun ada bagi pengambilan bekas-bekas tentera untuk berkhidmat dalam Jabatan-jabatan Kerajaan mengikut kelulusan mereka masing-masing tertakluk kepada lain-lain syarat yang perlu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh juga telah membangkitkan masalah yang ada di dalam suratkhobar berkaitan dengan Jeneral-jeneral berhenti dari perkhidmatan mereka dalam Angkatan Tentera kita. Beliau juga mengatakan bahawa ada dengar khabar angin bahawa mereka ini berhenti kerana tidak puas hati dalam pekerjaan mereka.

Sebenarnya pemberhentian atau persaraan dari perkhidmatan tentera ialah amalan biasa. Saya ingin mengambil perhatian Yang Berhormat bahawa anggota-anggota Angkatan Tentera boleh bersara dari

mencapai umur persaraan paksa seperti:

Pangkat	Umur Persaraan
Leftenan Kolonel dan ke atas (Lelaki)	52 tahun
Major	50 ..
Kapten dan ke bawah ..	48 ..
Lain-lain pangkat ..	55 ..

Dan mereka juga diberi peluang untuk membuat persaraan pilihan apabila misalnya:

Pangkat	Umur Persaraan
Kolonel ke atas	50 tahun
Leftenan Kolonel ..	47 ..
Major	45 ..
Kapten ke bawah	40 ..
Lain-lain pangkat ..	50 ..

Dalam suratkhbar pagi ini Panglima Tentera Darat sendiri General Tan Sri Zain Hashim telah memberi penjelasan yang penuh berkenaan dengan beliau sendiri yang akan bersara secara pilihan awal tahun baru. Dan juga seperti berlaku tiap-tiap tahun adanya anggota-anggota Angkatan Tentera baik peringkat atasan atau bawahan telah mencukupi umur mereka bersara. Jadi oleh kerana dengan adanya vacancy tersebut maka banyaklah anggota-anggota terpaksa diberi naik pangkat untuk mengisi vacancy tersebut. Jadi tidaklah benar bahawa ada sesuatu berlaku berkenaan dengan persaraan yang disiarkan dalam suratkhbar.

Berkenaan dengan soal pegawai itu tidak puas hati maka saya tidak dapat memberi jaminan oleh kerana tiap-tiap manusia ini ada perasaan dia sendiri, dengan izin, "subjective" pandangan dan kalaulah beliau tidak puas hati, beliau diberi peluang mengikuti peraturan yang tertentu dalam Peraturan-peraturan Angkatan Tentera kita untuk berhenti ataupun membuat komplek kepada pegawai-pegawai atasan.

Itu sahaja, Tuan Yang Dipertua, dapat saya jelaskan atas syor-syor dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RUMAH JUDI TERBUKA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Akta Rumah Judi Terbuka yang ujud sekarang didapati mempunyai beberapa perkhidmatan apabila mereka

kelonggaran dan kelemahan untuk mengawal dan mencegah kegiatan judi dengan lebih berkesan.

Peruntukan atau perbekalan yang ada dalam Akta sekarang tidak membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas kegiatan-kegiatan judi di kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan di mana perjudian dianjurkan. Di samping itu pihak pendakwa mengalami kesulitan dalam mengemuka penjudi-penjudi ke muka pengadilan kerana pihak pendakwa dikehendaki memberi bukti-bukti yang berupa alat-alat judi dan memberi nama judinya sekali. Kesukaran ini berlaku apabila sesuatu serbuan dijalankan, alat-alat judi biasanya berselerak dan penjudi-penjudi pula bersubahat di antara mereka untuk menjaga kepentingan mereka masing-masing.

Hukuman-hukuman yang ada di dalam Akta sekarang ini pula didapati sangat ringan dan tidak dapat mencegah perjudian. Di samping itu Akta ini tidak membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas pemegang-pemegang jawatan dalam sesuatu organisasi, pertubuhan atau persatuan, di mana premis mereka digunakan bagi kegiatan judi.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan masalah-masalah yang dijelaskan, maka Akta yang ada didapati perlu dipinda bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk mencegah kegiatan judi. Secara ringkas, Seksyen 2 kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953, dipinda untuk memperluaskan takrif "Rumah Judi Terbuka" dan "Perjudian" untuk merangkumi semua bentuk perjudian yang dianjurkan oleh sindiket-sindiket dengan izin, syndicated gamblings yang bertentangan dengan tujuan asal tertubuhnya kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan.

Seksyen 3A baru diwujudkan untuk membolehkan seseorang yang terlibat dengan kegiatan judi didakwa sekiranya ia dijumpai sedang berjudi tanpa perlu membuktikan nama judi yang dimainkan. Seksyen 4 hingga 9 kepada Akta dipinda supaya hukuman penjara dan denda ditambah untuk mencegah dan menjauhkan orang ramai dari berjudi. Manakala Seksyen 11 baru diwujudkan bagi membolehkan pihak berkuasa mendakwa sesiapa juga yang didapati memiliki sesuatu alat yang digunakan untuk loteri.

Pindaan-pindaan kepada Seksyen 16 dan 17 adalah bertujuan untuk mendapatkan kerjasama orang ramai dalam usaha memperolehi maklumat mengenai kegiatan judi secara bertulis dan tidak payah mengangkat sumpah terlebih dahulu untuk membolehkan pihak berkuasa mengeluarkan waran menggelidah di tempat-tempat yang disyaki menjalankan perjudian.

Seksyen 20A baru diwujudkan supaya pemegang-pemegang jawatan dalam kelab-kelab, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan turut dipertanggungjawabkan sekiranya premis mereka digunakan untuk berjudi. Seksyen 23A baru pula diperuntukkan supaya mahkamah menerima keterangan agen yang memperolehi bukti-bukti perjudian tanpa bukti sokongan atau corroboration.

Tuan Yang Dipertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, Kerajaan bukan sahaja dapat mengambil tindakan dengan lebih berkesan ke atas segala bentuk perjudian, bahkan dapat mencegah serta menjauhkan orang ramai dari berjudi. Kegiatan yang terkutuk ini, insya Allah akan dapat dibenteras dan segala implikasi-implikasi buruk akibat dari kegiatan judi dapat dielakkan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka tahun 1953 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5:35 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Pindaan ini adalah tepat pada waktunya dan boleh dikatakan, dengan izin, long overdue.

Dalam dunia yang moden ini judi sekarang telah menjadi sangat sophisticated dan kadangkala payah hendak dibuktikan oleh pendakwa-pendakwa kita di mahkamah.

Saya menyokong penuh pindaan di mana pihak pendakwa hanya perlu menyatakan yang orang itu dijumpai sedang berjudi tanpa menyatakan jenis judi tertentu yang dimainkannya, akan tetapi saya berharap pihak polis yang menyerbu rumah-rumah judi agar berwaspada dan hanya menangkap orang-orang yang benar-benar berjudi dengan menggunakan wang atau seumpama wang itu, janganlah pihak polis menangkap orang-orang yang tidak berjudi terdapat di tempat itu.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong peruntukan dalam Akta ini yang bertujuan menambahkan penalti bagi orang-orang yang melibatkan diri dalam perjudian. Sebarang penalti hendaklah menjadi pengajaran kepada orang yang terlibat dan hendaklah menghalang orang lain berbuat demikian. Tetapi, Tuan Yang Dipertua, saya rasa ganjil kenapakah Kerajaan kini mempunyai dua set undang-undang iaitu satu set bagi

orang-orang Islam dan satu set lagi bagi orang-orang bukan Islam. Pada pendapat saya judi itu haram bukan sahaja dalam kepercayaan agama Islam, bahkan juga dilarang oleh agama Hindu, Buddha dan Kristian. Sejauh mana yang saya tahu semua agama melarang seseorang berjudi. Dari segi moral berjudi adalah satu perbuatan yang sangat kurang sopan, jika demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil satu tindakan untuk mengharamkan semua jenis perjudian di negara ini mahupun dianjurkan oleh pihak Kerajaan seperti Social Welfare ataupun pihak swasta seperti Empat Digit, TOTO dan lain-lain. Kerajaan juga sepatutnya mengharamkan perjudian di kasino-kasino, perjudian bagi semua rakyat Malaysia sama ada Islam ataupun bukan Islam, dengan cara ini kita mungkin dapat mendirikan satu masyarakat yang bermoral dan berruarah tinggi. Oleh kerana kita mengharamkan orang Islam masuk ke kasino dan berjudi, maka terjadi situasi yang amat mendukacitakan di mana orang Islam bertopeng dan masuk ke kasino seperti orang bukan Islam. Perkara-perkara bolehlah dielakkan jika Kerajaan mengharamkan sama sekali bagi semua rakyat Islam dan bukan Islam berjudi walaupun apa-apa judi.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian pihak yang berkuasa supaya dapat kami memusnahkan perjudian dari akar umbi. Pada masa ini terdapat perjudian mereka berakar semasa anak-anak muda kita masih bersekolah lagi. Di kantin-kantin sekolah para peniaga kantin cuba mengenalkan perjudian dengan mengadakan papan-papan tikam, di mana anak-anak kita mencuba nasib mereka dan selalunya nasib mereka itu tidak begitu baik kerana duit yang sepatutnya dibelanjakan bagi membeli makanan habis begitu tanpa faedah. Tiap-tiap hari kita nampak murid-murid sekolah berkumpul di hadapan papan-papan

tikam untuk mencuba nasib kerana, dengan izin, temptation mendapat hadiah. Amalan begini tidaklah sihat. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengharamkan juga permainan tikam di sekolah-sekolah, kantin, di kedai dan di mana-mana sahaja.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1953.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab.

5.39 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Akta Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1983.

Tuan Yang Dipertua, saya mendengar ucapan bahas daripada salah seorang sahabat saya yang bercakap terlebih awal tadi. Saya berasa cukup lega kerana pandangan kita seluruh masyarakat majmuk pada hari ini telah timbul satu kesedaran bahawa permainan judi ini merupakan satu maksiat yang sangat tua di kalangan manusia. Negara kita juga tidak terlepas dari perbuatan-perbuatan atau kejadian ini dan semakin kembang dan hibat di zaman penjajahan serta dengan kemasukan kaum mendatang dari lain-lain negara. Penjajahan dengan dasar pintu terbuka kepada segala hal telah menambah complication dalam perjudian, maka kita tahu Akta ini dibuat di zaman penjajahan dan dasar "Divide and Rule" penjajah yang sememangnya diadakan untuk menghancurkan masyarakat majmuk di negara ini, secara apa jua alat melalui pemikiran, pendidikan, kebudayaan dan tidak ketinggalan termasuklah judi yang paling bisa dan jijik ini, sebagaimana yang sama-sama kita hadapi, sehingga

permainan judi ini dihalalkan dengan mengemukakan beberapa jenis Akta dan dalam bentuk-bentuk yang tidak dinampakkan secara judi.

Hari ini kita lihat ada loteri yang halal, ada yang tak halal, ada loteri kuda yang halal, ada di tepi-tepi yang tak halal, daripada dua ekor naik tiga ekor, sekarang sudah naik empat ekor, tikam-tikam, bertaruh dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, amalan-amalan dan dasar daripada manusia belum mengenal peradaban sehinggalah jahiliah dan penjajahan membenarkan perjudian ini di kalangan negara-negara yang dijajahnya membawa unsur-unsur jahiliah yang kotor dan jijik ini kepada anak jajahannya seperti negara kita ini. Tetapi sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya yang dahulu tadi, mari kita perhati dahulu di dalam pengertian definasi judi ini di dalam kamus-kamus kaum barat pun tidak mengatakan judi ini baik.

Contohnya, dengan izin, "The Chambers Dictionary", apa kata dia secara ringkas:

"To play for money, especially for high stakes: to engage in wild financial speculations."

Perkataan "wild" itu "liar".

"To take great risks for the stake of possible advantage."

Itu kata "Chambers".

Definasi daripada "Webster's Dictionary":

"Any risky undertaking, venture, speculation; to waste; to squander in gambling".

"Squander" ini "to disburse and expend foolishly and to no purpose". Itu kata ahli-ahli ilmiah, ilmu nahu kaum-kaum Barat.

Timbalan Yang Dipertua: Kalau ikut Peraturan kena terjemahkan!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Hendak terjemah ini

Timbalan Yang Dipertua: Kalau tidak, jangan bercakap.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, saya terjemahkan mengikut apa kata Quran, kesimpulannya. Dengan izin, maksudnya:

“Mereka bertanya kepada engkau Ya Muhammad dari hal minum arak dan judi, katakanlah kedua-duanya itu adalah dosa besar dan walau ada manfaat kepada manusia tetapi dosanya lebih besar daripada manfaatnya”.

Jadi inilah muktamad daripada definasi judi.

Kita hendak berbelit-belit dari soal undang-undang, hendak tangkap susah, hendak kuatkuasa susah, buka pintu tikam macam mana, daun pakau macam mana, buah dadu macam mana, ini yang kita dibelit-belitkan. Ini ialah sikap undang-undang penjajah yang telah menciptakan Akta ini.

Sebenarnya cukup mudah (simple), sebarang apa yang kita sebut sebagai yang termaklum dalam definasi itu “bertaruh, menimbang nasib” itulah judi. Sebarang pertaruhan yang menggunakan duit, goyang kaki, ada unsur-unsur yang jahat itulah judi, tak payah kita berbelit-belit.

Tuan Yang Dipertua, setelah 26 tahun sebagai bangsa yang merdeka, setelah sekian abad masyarakat kita terdedah dengan amalan-amalan judi ini dan sesuai dengan iklim serta suasana dasar negara kita yang telah baru bernafas daripada belunggu penjajahan, maka untuk membentuk satu masyarakat yang sihat, kuat, berdisiplin, maju, slogan cukup cantik dan untuk seterusnya melahirkan sebuah negara yang makmur dan sejahtera, saya ingin mengajak Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan ini

memikirkan satu persoalan adakah kita tidak berhasrat untuk membebaskan masyarakat negara ini daripada rantai belunggu perjudian yang telah sekian lama mencengkam jiwa sebahagian masyarakat kita. Dengan cara kita meneruskan ada yang boleh, ada yang tak boleh, amalan apa jua pun bentuk judi, termasuk yang terkandung di dalam Jadual-jadual I dan II dalam Akta ini saya rasa kita tidak akan dapat menjamin ataupun akan meyakinkan generasi akan datang bahawa kita ini telah bersungguh-sungguh untuk menjadikan satu bangsa yang bermoral dan bermaruah tinggi.

Tuan Yang Dipertua, perbuatan judi yang terkutuk di sisi agama Islam ini dan oleh seluruh agama yang inginkan penganut-penganutnya bersih, kuat, beriman, tidak mengakui judi ini. Jadi sudah semoleknyalah negara kita ini mengharamkan secara “total” sebagaimana yang telah diturunkan Wahyu kepada Nabi Besar Muhammad s.a.w. itu. Rasanya masyarakat majmuk di negara kita ini akan lebih berpadu, akan lebih berkasih sayang dengan keadaan yang kita boleh timbulkan daripada tindakan mengharamkan secara total itu.

Kerana apa, Tuan Yang Dipertua, perbuatan judi ini kita katalah seseorang yang sepayah-payah mengumpul harta benda bertahun-tahun dia mengumpul duit berbulan-bulan, dibawa ke tempat meja judi timbul kekalahan, harta benda yang dikumpul bersusah payah dengan titik peluh itu bertahun-tahun, berbulan-bulan itu jadi licin, tandus di meja judi sehingga keperluan hidup, belanja anak isteri di rumah menjadi terlantar. Seorang yang kaya raya dalam beberapa jam biasa jadi bankrap dan seorang yang sangat melarat. Kerana keadaan yang demikian, kacaulah hidup lantaran judi, merosak rumah tangga, mengacau fikiran dan kalau menang menyakiti kepada yang

kalah, kadang-kadang timbul sakit hati, dendam, bahkan ada permusuhan lantaran si kalah sakit hati kepada si menang. Sebab itu keperluan perjudian menjadi besar dosanya, meskipun diakui juga orang menang itu ada dapat manfaat sekejap, misalnya kalau dapat kemenangan dia kata, "Aku kalau menang dapat juga beri derma kepada orang miskin".

Tuan Yang Dipertua, daripada pengalaman-pengalaman kita menunjukkan menang yang derma kepada miskin ini sedikit sangat bilangannya, sekali dia menang, 20 kali dia kalah. Inilah yang kejadian. Jadi selama mana kita akan biarkan masyarakat dan rakyat kita di negara kita Malaysia ini akan berterusan dengan amalan-amalan judi ini di dalam berbagai-bagai bentuk, sedangkan negara-negara Barat, Eropah dan Amerika sendiri pun mengalami kepahitan yang amat sangat dari segi sosial untuk menghapuskan judi ini.

Kita beri contoh. Contohnya, "Scandal Black Socks Baseball" dalam tahun 1919. Dengan izin, The World Series di New York City, Basketball Scandal, tahun 1951, pertaruhan ini menjadi-jadi sehingga ada kerjasama di antara Polis yang "corrupt" dengan gangsters, penjenayah-penjenayah untuk melindungi kelab-kelab pertaruhan judi ini sehingga dalam tahun 1951 keluarlah satu jawatankuasa yang dinamakan, dengan izin, "The Five Men Committee, Senate Crime Investigating Committee", Senate di sana "Dewan Rakyat"lah itu, Penyiasat Jenayah yang diketuai oleh Senator Copper dari Tennessee, setahun lebih menyiasat. Maka jawatankuasa yang diketuai oleh Senator Copper tahun 1951 ini membuat satu pengisytiharan yang masyhur, yang menggemparkan masyarakat Barat iaitu menentang

untuk menghalalkan (to legalise) perjudian (gambling) ini. Jadi kalau sudah bangsa penjajah, bangsa Barat itu sendiri pun yang mengakui dirinya bertamaddun, berilmu, pandai undang-undang dia sendiri pun tahu akan kacau-bilau rakyat dan negara akibat perjudian ini, maka kita masihkah akan membuat Akta yang sebelah pihak lulus, jenis ini tak lulus, jenis ini haram, jenis ini tak haram walhal dari segi Agama Islam dan juga agama-agama yang lain yang dikatakan tadi secara mutlak mengharamkan perjudian ini. Rasa saya inilah suatu suasana dan suatu dasar yang baik untuk diambil oleh Kerajaan kita tanpa sebarang ragu-ragu. Maka undang-undang pengharaman yang totallah yang sebaik-baik jalan, sepaling bersih jalan yang patut kita ambil.

Sekian, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Senator Jaafar Harun.

5.52 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1983 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) bagi tahun 1983 ini sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi saya rasa Rang Undang-undang ini memang sudah sewajarnya dibuat dan sudah kena pada masanya kerana Rang Undang-undang yang sedia berjalan sekarang ini telah dibuat pada tahun 1953 dahulu. Oleh itu tentulah terdapat beberapa kekurangan atau kelemahan yang patut kita tambah demi kebaikan rakyat jelata sekalian.

Tuan Yang Dipertua, keadaan pada masa sekarang cara-cara perjudian ini berjalan hanyalah di tempat-tempat

yang tertentu sahaja di mana Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen seperti Tikam Ekor di kedai-kedai apa yang dikatakan judi karan, yakni main tembak-tembakan itu dan bermacam-macam lagi, lebih-lebih lagi permainan judi ini dibenarkan oleh Kerajaan di tempat-tempat yang tertentu seperti di kelab-kelab. Oleh itu, sebagai seorang rakyat yang beragama Islam biarlah saya sentuh atau saya bercakap dari segi itu. Pada pendapat saya permainan judi ini memang tidak boleh dibenarkan dan saya tidak bersetuju sekali-kali tetapi pandangan dari segi yang lain saya tak tahulah.

Tuan Yang Dipertua, buat masa sekarang ini ada kedai-kedai dalam bandar terutamanya sekali di bangunan kompleks-kompleks perniagaan seperti di ibu kota dan juga di pekan-pekan yang lain bahkan di pekan-pekan kecil pun ada didapati kedai-kedai yang menjalankan perniagaan-perniagaan berupa macam perjudian ini, kalaupun dikatakan kedai perjudian.

Saya faham kedai-kedai perjudian tersebut telah mendapat lesen daripada Kerajaan dan perniagaan di kedai-kedai tersebut memang sibuk. Maknanya perjalanan perniagaannya memang menggalakkan. Bagaimana dengan bunyi bising di tempat itu, dentum-dentam bunyi tembakan-tembakan permainan itu dan bermacam-macam lagi.

Apa yang saya musykil, Tuan Yang Dipertua, ialah yang mana saya telah diberitahu kesibukan pemain-pemain di tempat itu banyak terdapat di kalangan murid-murid sekolah. Murid-murid sekolah ini tidak pergi sekolah, ponteng kata orang sekarang, menghabiskan masanya di kedai perjudian itu. Jadi jika ini tidak disekat maka akan runtuhlah akhlak anak-anak muda-mudi kita di masa akan datang.

Demikian juga di tempat itu kadangkadangkang ada didapati sebahagian kecil pegawai-pegawai Kerajaan kita mengambil peluang menghabiskan masanya di kedai perjudian ini. Ini kerana minat beliau telah tertanam akan permainan itu sehinggakan dalam masa mereka bertugas pun dapat mereka membahagikan masanya tidak sabar lagi menunggu masanya sehingga selesai waktu pekerjaan mereka. Oleh itu, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan dalam Dewan yang tinggi ini bagi membaiki lagi keadaan yang berlaku mengenai Akta Rumah Judi Terbuka ini.

Yang pertama, Tuan Yang Dipertua, lesen-lesen Kedai Tikam Ekor umpamanya jangan digalakkan lagi kepada orang-orang yang beragama Islam menjalankan perniagaannya kerana pada masa sekarang di pekan-pekan sama ada pekan besar ataupun kecil didapati banyak Kedai-kedai Tikam Ekor. Rakyat jika hari minggu penuh sesak untuk mendapatkan keputusan mereka sama ada mereka bertuah atau belum tiba masanya pada hari itu. Di sini ada didapati kedai-kedai itu lesen perniagaannya dipunyai oleh orang-orang yang beragama Islam. Ini bermakna Kerajaan seolah-olahnya menggalakkan perjudian kepada orang-orang yang beragama Islam. Oleh itu saya mengesyorkan supaya Kerajaan patut mengkaji semula pengeluaran lesen-lesen Tikam Ekor ini jangan digalakkan, yakni jangan diberi kepada mereka yang beragama Islam.

Yang kedua, lesen Tikam Ekor juga hendaklah dikurangkan pengeluarannya. Dalam masa Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen itu kepada rakyat, Kerajaan juga patut meneliti semula berapa banyak lesen-lesen yang telah dikeluarkan dan jangan ditambah lagi tetapi sebaliknya boleh ditutup supaya jangan

menggalakkan kepada rakyat akan jenis perjudian itu, tegasnya lesen Kedai Tikam Ekor itu tidak dikeluarkan lagi.

Yang ketiga, patutlah dibenteras ataupun dihapuskan Tikam Ekor yang bersorok-sorok.

Tuan Yang Dipertua, membeli Tikam Ekor secara berterang-terang ini memang telah ada iaitu di kedai-kedai Tikam Ekor yang mana telah mendapat kebenaran yakni lesen daripada Kerajaan tetapi yang anihnya pula terdapat lagi Tikam Ekor bersorok-sorok iaitu dengan tidak setahu Kerajaan. Mereka membeli tiket-tiket itu kepada ejen-ejen yang tertentu dengan menyorok-nyorok. Ini berlaku boleh dikatakan di merata-rata tempat sama ada di pekan besar ataupun kecil. Ini Kerajaan hendaklah membenteras yakni menghapuskan. Jadi dalam hal ini terpaksa Kerajaan kita menyasat dengan secara sulit kerana mereka itu cukup pandai, kalau tidak betul-betul penyasatan dijalankan memang tidak boleh dapat dan tidak akan dapat dibenteraskan.

Tuan Yang Dipertua, larangan kunjungan ke Genting Highlands. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah mengambil tindakan berhubung dengan perjudian di Genting Highlands ini kerana Kerajaan kita telah dan sentiasa berusaha menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pemerintahan negara kita ini. Tetapi saya dengar di waktu-waktu yang akhir ini hari Jumaat sahaja tidak dibenarkan mereka mengunjungi di tempat itu. Sama ada benar atau tidak, saya tidak jelas. Oleh itu jika benar—jika tidak benar bersyukurlah, tetapi jika benar hari Jumaat sahaja yang ditutup atau tidak membenarkan mereka mengunjungi ke situ maka saya mengesyorkan hari yang lain-lain pun demikian juga, jangan membenarkan mereka berkunjung menziarahi Genting Highlands ini.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, orang-orang yang beragama Islam jangan dibenarkan sekali-kali mengunjungi Genting Highlands ini. Rasanya peraturan yang tidak membenarkan orang-orang Islam mengunjungi Genting Highlands ini ada, saya tidaklah faham sangat sama ada orang-orang yang beragama Islam masih dibenarkan lagi pergi ke Genting Highlands untuk bermain judi ataupun telah ditegah. Sekiranya undang-undang itu tidak ketat maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan bersungguh-sungguh supaya jangan membenarkan langsung orang-orang yang beragama Islam mengunjungi Genting Highlands ini kerana kalau mereka tidak pergi ke situ maka tentulah tidak dapat mereka bermain judi.

Tuan Yang Dipertua, dengan sepatah dua kata itu saya menyokonglah Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1983 ini diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato Chin Kim Yoong.

6.00 ptg.

Dato Chin Kim Yoong: Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Rumah Judi Terbuka (Pindaan) 1953 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Setelah saya teliti Rang Undang-undang ini, saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini adalah semata-mata untuk mengawal dan memperketatkan lagi amalan yang keji ini yang telah dari awal zaman lagi sebagai satu penyakit manusia telah merosakkan akhlak, menghancurkan perniagaan, persaudaraan dan rumahtangga. Si penjudi mungkin melakukan jenayah dan tidak hairan kalau akhirnya membunuh diri.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya sebentar untuk membuat beberapa teguran mengenai Rang Undang-undang ini. Seksyen 3A baharu membolehkan seseorang itu didakwa sekiranya ia dijumpai sedang berjudi tanpa perlu membuktikan nama judi itu.

Seksyen 4 hingga 9 pula akan dapat mencegah dan menjauhkan orang ramai dari berjudi. Dengan pindaan seksyen 16 dan 17, maklumat bertulis sahaja memadai untuk membolehkan pengeluaran waran menggelidih di tempat-tempat yang disyaki menjalankan perjudian.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan di sini bahawa walau dengan peruntukan baharu ini, iaitu orang ramai akan lebih mudah memberi maklumat dan bekerjasama dengan pihak yang berkuasa untuk menghapuskan segala aktiviti perjudian, Kerajaan hendaklah merahsiakan mereka yang memberi maklumat dan memberi hadiah-hadiah kepada mereka untuk menggalakkan orang ramai membantu pihak yang berkuasa.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Perdana Menteri yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengharamkan orang-orang Islam di tempat-tempat perjudian.

Sebagai seorang peniaga yang tahu susah dan pahitnya untuk mencari wang, dan tahu dan insaf akan harga dan wang, saya mengesyorkan agar Kerajaan jangan membezakan orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam di dalam perkara ini. Jika Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir berpendapat segala bentuk perjudian tidak baik untuk orang-orang Islam, saya pun berpendapat

bahawa segala bentuk perjudian adalah tidak baik untuk semua rakyat Malaysia. Tidak kira apa bangsa atau agama, tidak ada seorang pun yang boleh tampil ke hadapan untuk menepuk dada dan mengatakan bahawa beliau jaguh judi dan berjaya di dalam dunia perjudian. Kalau hari ini dia menang, esok sudah tentu dia kalah.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin merekodkan pendapat orang tua kita dalam Dewan yang mulia ini bahawa dengan izin, Tuan Yang Dipertua, "There is no shortcut to wealth and riches, all in all it is attained through hardwork and good planning".

Tuan Yang Dipertua, bila seseorang itu sudah berjaya di dalam dunia perniagaan iaitu dia banyak wang ringgit, harta di sana sini, rumah besar, kereta besar dan sebagainya, nasib masa depannya tidak akan terjamin bila dia mula bermain judi. Saya sungguh berasa sedih Tuan Yang Dipertua, jangankan melihat malahan mendengar berita-berita orang-orang kaya yang jatuh bankrap akibat berjudi. Malang tidak datang berseorangan, akhirnya rumahtangga purak puranda.

Saya berharap, Tuan Yang Dipertua, agar sebagai seorang bapa yang melarang anak-anaknya berjudi, saya berharap Kerajaan kita akan melarang rakyat Malaysia kita tidak kira dari apa bangsa dan agama daripada berjudi dan menggalakkan mereka berjimat cermat dan melabur untuk masa hadapan mereka.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan memberi suasana yang baik untuk menjayakan dasar ekonomi baru dan memberi suasana yang baik untuk berbuat demikian segala hasrat dan cita-cita Kerajaan akan jadi musnah kalau rakyatnya sibuk berjudi di sana sini.

Tuan Yang Dipertua, dengan izin, "Business is not gambling, and gambling is not business". Kedua-duanya ini adalah musuh yang ketat. Kalau hendak selamat pilihlah "business", dan kalau hendak racun berjudilah.

Tuan Yang Dipertua, orang-orang yang berjaya dalam dunia berniaga, tidak pandai berjudi dan orang-orang yang berjudi dan "tahi judi", tidak berjaya di dalam dunia perniagaan, malahan apa yang mungkin telah dikumpulkan oleh seseorang itu dalam hayat hidupnya boleh terbang dengan sekelip mata bila ia berjudi.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.07 ptg.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator K. Kumaran, Yang Berhormat Senator Abdul Wahab bin Abu Bakar, Yang Berhormat Senator Jaafar Harun, Yang Berhormat Senator Dato Chin Kim Yoong kerana telah melahirkan minat terhadap persoalan yang berkaitan dengan pindaan Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dengan mengemukakan pandangan-pandangan, pengesyoran-pengesyoran dan teguran-teguran sekejap tadi, lebih-lebih lagi kerana memberi sokongan sepenuhnya terhadap pindaan ini.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya simpulkan di sini di atas apa-apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi bahawa kita selaku rakyat yang

bertanggungjawab terhadap keamanan, kesempurnaan dan kebahagiaan rakyat dalam negara ini hendaklah sentiasa memberi nasihat, pandangan dan teguran kepada setiap orang warganegara kita agar menjauhi diri dari terjerumus ke dalam perangkap judi, kerana apakala terjebak, maka amatlah sukar bagi mereka untuk membebaskan diri dari cengkaman atau belenggu yang durjana ini.

Tuan Yang Dipertua, lebih-lebih lagi apakala kita memandangkan bahawa penyakit ini yakni penyakit judi ini berpotensi mengancam ketenteraman awam dan mungkin jua keselamatan negara.

Kita Tuan Yang Dipertua, tidak ingin melihat negara kita berada di dalam suasana di mana rakyat jelata yang ingin melayarkan bahteranya ke tahap hidup yang lebih sempurna dan sejahtera, terhindar di mana-mana berpunca dari ketiadaan terjaminnya ketenteraman awam.

Tuan Yang Dipertua, judi sebagaimana kita maklum, membawa bersama-samanya berbagai jenis penyakit sosial dan ekonomi. Di samping masalah agama sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Tuan Yang Dipertua, segala pandangan, pengesyoran yang telah diutarakan sepanjang perbahasan mengenai pindaan Akta Rumah Judi Terbuka, 1973 tadi adalah dicatat dan pihak Kementerian Dalam Negeri akan memberi perhatian yang serius dan di mana perlu akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahasa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (22hb Disember, 1983).

Timbalan Yang Dipertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung ucapannya.

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, semalam saya telah menyatakan bahawa angka-angka di bawah ujian kemampuan dinaikkan, malahan angka-angka bagi bantuan separuh juga dinaikkan. Misalnya di bawah Akta sekarang seorang bujang yang pendapatannya tidak melebihi \$291 sebulan layak mendapat bantuan guaman separuh iaitu ia akan diberi bantuan guaman tetapi akan

dikenakan sedikit sumbangan. Di bawah cadangan pindaan ini seorang bujang yang pendapatan bulannya tidak melebihi \$770 sebulan akan layak mendapat bantuan sejenis ini. Seorang pemohon yang mempunyai 4 orang tanggungan pula misalnya yang pendapatan bulannya tidak melebihi \$987 akan juga layak mendapat bantuan guaman separuh. Mengikut cadangan pindaan ini sumbangan yang akan dikenakan adalah tidak melebihi sebulan gaji.

Satu lagi cadangan pindaan yang penting adalah untuk mengadakan peruntukan tambahan mengenai perakuan bantuan guaman. Peruntukan tambahan ini ialah seksyen baru 31A dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan pada hari ini. Seksyen ini memperuntukkan bahawa keputusan yang dibuat di bawah Akta untuk memberi bantuan guaman adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan lagi di Mahkamah. Sebab cadangan pindaan ini adalah bagi mengelakkan permohonan dan hujah-hujah oleh peguam pihak menentang untuk membatalkan pemberian perakuan bantuan guaman atas alasan bahawa pelanggan Biro tidak layak diberi bantuan guaman. Bantahan sedemikian adalah sia-sia dan akan menjejaskan tujuan asal skim bantuan guaman dan tidak seharusnya dibenarkan.

Syukur alhamdulillah, peguam-peguam yang bersikap begini hanya segelintir sahaja. Pada keseluruhannya peguam-peguam di negara ini sedar akan tanggungjawab mereka dan sikap ini ternyata dengan penubuhan sebuah skim bantuan guaman pada bulan Ogos, 1982 di bawah naungan Majlis Peguam. Skim ini yang dinamakan Pusat Bantuan Guaman memainkan peranan penting dari segi menambah perkhidmatan Bantuan Guaman Kerajaan.

Kita harus mengalu-alukan penubuhan skim bantuan guaman ini dan berharap bahawa lebih banyak lagi cawangan Pusat Bantuan Guaman dapat ditubuhkan di seluruh negara untuk memperjuangkan hak golongan-golongan yang kurang bernasib baik dalam menghadapi berbagai masalah guaman yang terdapat dalam masyarakat kita.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.17 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil sedikit peluang membahaskan undang-undang Meminda Akta Bantuan Guaman 1971 yang mana huraianya telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam dan hari ini. Dengan pindaan-pindaan dan juga huraian-huraian yang telah diterangkan, saya rasa dalam masalah bantuan guaman ini, saya sendiri juga tidak begitu arif dan apabila saya mendengar huraian ini, barulah saya terpendang berapa pentingnya Rang Undang-undang ini ada dan juga pindaan-pindaan yang dibuat.

Saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini, Akta Bantuan Peguam ini yang selalunya saya rasa banyak orang tidak tahu tentang bantuan atau Biro Bantuan Guaman ini yang ada dalam negara kita dan banyak rakyat yang tidak tahu untuk

menggunakannya. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian supaya memberi penerangan yang seluas-luasnya lagi kepada rakyat melalui akhbar ataupun melalui radio dan TV bagaimana Akta Bantuan Guaman ini boleh digunakan oleh rakyat kita sekarang ini.

Saya tahu kadangkala oleh kerana keadaan rakyat tidak ada banyak wang, mereka telah ditimpa oleh satu-satu kemalangan, satu-satu pencerobohan, umpamanya di sekitar rumah mereka dibuat taman-taman perumahan tetapi tanah daripada taman perumahan yang disodok ataupun diratakan itu kadangkala tanah itu apabila hari hujan akan runtuh ataupun pergi ke atas rumah atau kawasan-kawasan itu dengan tidak ada bayaran apa-apa oleh orang-orang yang menimbulkan masalah ini tadi oleh kerana rakyat kebanyakan tidak tahu. Kalau hendak pergi ke mahkamah ataupun hendak pergi mendapat bantuan lawyer, kemungkinan mereka ini hendak menggunakan duit yang banyak dan sebagainya. Oleh itu keadaan ini tinggal begitu sahaja dan yang untung adalah orang-orang atau pemaju perumahan yang saya katakan tadi.

Oleh hal yang demikian, saya berharap sekali lagi oleh kerana bantuan ini dasar menyeluruh kita berharap pihak Kerajaan melalui akhbar-akhbar ataupun melalui media massa supaya Akta ini ataupun penerangan ini dapat diberikan seluas-luasnya kepada rakyat kita. Dengan adanya, ini rasa saya kepada orang-orang yang teraniaya akan mendapatlah bantuan mengikut apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Oleh itu dengan keadaan ini saya menyokonglah Akta Bantuan Guaman 1971 diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Jaafar bin Harun.

6.22 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun mengambil bahagian bercakap sedikit untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971. Tuan Yang Dipertua, Akta Bantuan Guaman ini ialah sebuah badan atau lembaga Kerajaan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan, saya kira 10 tahun yang lalu dengan tujuan supaya dapat memberikan khidmat kepada rakyat iaitu menolong rakyat yang miskin dengan mendapatkan pembelaan dalam sesuatu kes seumpama kes jenayah ataupun kemalangan, sama ada kemalangan jalanraya ataupun lain-lain, hal cerai-berai suami isteri dan sebagainya. Keadaan sekarang, Tuan Yang Dipertua, sudah lebih 10 tahun Biro Bantuan Guaman ini ditubuhkan oleh Kerajaan tetapi khidmat atau kegiatannya kepada rakyat terutama kepada rakyat di luar bandar amatlah kurang. Boleh dikatakan tidak memuaskan. Sedikit sangat rakyat yang menggunakannya bagi mendapat pertolongan daripada Biro Bantuan Guaman ini. Kebanyakannya rakyat yang menggunakan Biro Bantuan Guaman ini ialah rakyat-rakyat di bandar sahaja. Sebabnya ialah kerana Pejabat Biro Bantuan Guaman ini berada di bandar. Sedangkan rakyat di luar bandar boleh dikatakan tidak tahu menahu langsung akan wujudnya Biro Bantuan Guaman ini yang mana Biro ini boleh menolong mereka untuk mendapatkan bantuan ataupun khidmat nasihat di kala mereka mendapat kesusahan. Jadi lebih kurang 10 tahun sejak ditubuhkan Biro Bantuan Guaman ini, khidmatnya kepada rakyat atau pertolongannya kepada rakyat tidak sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan, tidak

menepati matlamat Kerajaan iaitu khidmatnya kebanyakan 90% kepada kes cerai-berai suami isteri sahaja, pembahagian harta pusaka ataupun tuntutan nafkah isteri yang ditinggalkan suami, itu pun Biro Bantuan Guaman tidak dapat menyelesaikannya dengan cepat. Kadang-kadang sampai berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun baru dapat diselesaikan.

Saya telah membaca Mingguan Perdana keluaran 18hb Disember, yang mana seorang daripada mereka untuk mendapatkan bantuan kepada Biro Bantuan Guaman ini telah lama tidak dapat pembelaan dan sehingga memberikan kata dua kepada Biro Bantuan Guaman. Jadi ini satu contoh yang Biro Bantuan Guaman ini tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan begitu baik. Begitu juga kepada kes-kes yang lain Biro Bantuan Guaman ini bolehlah dikatakan tiada khidmat langsung. Sehingga jika seseorang itu umpamanya mendapat kemalangan jalanraya ataupun jatuh motorsikal ataupun kemalangan kereta ataupun pelanggaran dan sebagainya mereka tidak menggunakan Biro Bantuan Guaman. Mereka menggunakan insuran. Insuran mereka inilah yang bertindak sebagai Biro Bantuan Guaman yang membela mereka di mahkamah bagi mendapatkan gantirugi ataupun pembayaran di atas kemalangan mereka tadi. Jadi Biro Bantuan Guaman ini tidak mengambil bahagian langsung dalam perkara itu. Begitu juga dengan hal-hal tragedi yang lain seumpama perkara jenayah, Biro Bantuan Guaman tidak ada ambil peranan untuk memberi nasihat sama ada khidmat nasihat ataupun pembelaan. Kerana mereka yang terlibat dengan kes-kes yang seumpama itu mereka mengambil peguambela yang lain untuk menyelesaikan masalah mereka. Jadi masalah-masalah tersebut saya fikir tentulah ada sebabnya yang terjadi, sebab-sebab Biro Bantuan Guaman ini

tidak terlibat langsung dengan orang ramai kerana peguam Biro Bantuan Guaman ini tidak dapat dengan orang ramai maksudnya ialah peguam Bantuan Guaman ini tidak dapat memperkenalkan dirinya sebagai peguambela Biro Bantuan Guaman yang boleh memberikan pertolongan kepada orang ramai terutamanya dari segi khidmat nasihat dan juga pertolongan yang lain. Kebanyakan masa mereka habis duduk di pejabat sahaja, sedangkan pejabat Biro Bantuan Guaman yang ada di daerah itu pun tidak diketahui oleh orang ramai. Contohnya, Pejabat Biro Bantuan Guaman di daerah Kuala Pilah, banyak rakyat tidak tahu, adakah atau tidak Pejabat Bantuan Guaman di daerah Kuala Pilah itu.

Pegawai-pegawai Biro Bantuan Guaman ini di peringkat-peringkat negeri pun hanya bertaraf sebagai Penolong Pengarah sahaja. Jadi mereka itu merasa berperasaan rendah diri kerana tidak sama tarafnya dengan pegawai-pegawai yang lain yang berpangkat Pengarah dalam sesuatu Jabatan. Jadi kerana itu mereka tidak secergas mana atau seaktif mana dalam mengendalikan sesuatu kes di pejabat mereka. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, dengan melalui Dewan yang mulia dan tinggi ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Biro Bantuan Guaman ini bergerak lebih aktif ataupun cergas lagi pada masa akan datang.

Yang pertama, dari segi penerangan kepada orang ramai. Biro Bantuan Guaman ini hendaklah memberikan penerangan kepada orang ramai di mana pejabat mereka berada. Apakah tugas atau pertolongan yang mereka boleh berikan sama ada dari segi khidmat nasihat ataupun perkara lain yang ada hubung kaitnya dengan Biro Bantuan Guaman ini. Ini, Tuan Yang Dipertua, boleh dibuat dengan melalui

Jabatan Penerangan Kerajaan, Jabatan Penerangan Daerah di samping melawat ke kampung hendaklah menerangkan kepada rakyat akan wujudnya Biro Bantuan Guaman ini dan peranan-peranan yang dimainkannya serta bagaimana caranya jika rakyat berkehendakkan pertolongan kepada Biro Bantuan Guaman. Saya fikir jika ini dilakukan oleh Jabatan Penerangan saya percaya rakyat di luar bandar akan dapat menggunakan Biro ini dengan menggalakkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, peranan KEMAS juga penting. Selain daripada Jabatan Penerangan yang memberi penerangan ke kampung-kampung dan ke tempat yang lain, maka Jabatan Kemajuan Masyarakat. KEMAS juga hendaklah memainkan peranan yang sama berhubung dengan Biro Bantuan Guaman ini. Kerana KEMAS juga salah satu agensi Kerajaan yang berhubung rapat dengan rakyat di luar bandar terutamanya di kampung-kampung, di desa-desa di seluruh pelusuk negara kita ini.

Lagi satu, Tuan Yang Dipertua, sekarang ini pegawai di Ibu Negeri, saya diberitahu hanya bertaraf sebagai Penolong Pengarah sahaja, sedangkan pegawai di pejabat-pejabat yang lain bertaraf Pengarah. Ini tidak sama tarafnya sebagai ketua di pejabat itu di peringkat negeri. Oleh itu, Kerajaan mestilah menaikkan pangkat Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman kepada Pengarah Biro Bantuan Guaman supaya sama tarafnya dengan ketua-ketua pejabat yang lain. Apakala mereka berpangkat pengarah mereka tidak lagi berperasaan rendah diri. Oleh itu, Pengarah ini akan bekerja lebih aktif lagi bagi memperkenalkan jabatan mereka dan seterusnya memberikan khidmat pejabat itu kepada orang ramai dengan dedikasi dan bersemangat.

Yang akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya suka mengesyorkan supaya pegawai-pegawai ini menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Pegawai-pegawai Biro Bantuan Guaman di daerah-daerah yang ada dalam negara kita ini hendaklah diberi tempat menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah supaya dapat mereka mengambil bahagian bersama-sama dalam pembangunan sesuatu daerah. Dengan itu juga saya fikir mereka boleh memainkan peranannya dapat berbincang dalam mesyuarat itu. Kerana dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah itu yang dihadiri oleh kesemua peringkat pegawai dalam daerah itu dan dihadiri juga oleh semua Penghulu-penghulu Mukim di daerah tersebut. Jadi, semua Penghulu-penghulu Mukim dalam daerah itu akan dapat mengetahui dan memahami akan kedudukan yang sebenarnya berhubung dengan Biro Bantuan Guaman ini yang akan disampaikannya kelak kepada anak buahnya di kampung-kampung dalam mukim mereka bertugas di luar-luar bandar.

Akhirnya, saya fikir apakala rakyat telah mengetahui akan peranan yang dijalankan oleh Biro Bantuan Guaman ini, saya yakin dan percayalah bahawa Biro Bantuan Guaman ini akan mendapat sambutan orang ramai dan rakyat akan menggunakannya dengan lebih berkesan lagi pada masa yang akan datang. Dengan sepele dua kata itu, Tuan Yang Dipertua, saya menyokonglah Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin.

6.32 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, izinkan saya mengucapkan

setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah dan juga Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun yang telah sudi mengambil bahagian dalam membincangkan Rang Undang-undang Pindaan kepada Akta Bantuan Guaman 1971 ini. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah kerana telah mencadangkan supaya publicity khidmat Bantuan Guaman ini diadakan lebih hebat lagi. Sebenarnya penerangan-penerangan telah pun diadakan dari masa ke semasa dan Pengarah Bantuan Guaman telah pun beberapa kali mengambil bahagian dalam bentuk interview dan temuramah dalam TV dan juga Radio. Namun demikian, jika difikirkan bahawa penerangan-penerangan lebih lanjut masih diperlukan maka saya percaya Pengarah Bantuan Guaman akan mencari jalan dan berikhtiar dan berusaha supaya publicity dan penerangan berhubung dengan khidmat Jabatan Bantuan Guaman ini akan dapat diluaskan supaya lebih ramai rakyat mengetahui dan tahu atas ada dan wujudnya khidmat tersebut.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun telah membawa beberapa cadangan-cadangannya, di sini sukalah saya menyatakan bahawa soal penggunaan khidmat Jabatan Bantuan Guaman ini sebenarnya digunakan oleh semua rakyat bukan sahaja penduduk-penduduk di bandar malah di kawasan luar bandar. Yang menjadi masalah kepada khidmat yang ada sekarang ini ialah undang-undang yang tidak begitu kemas sekurang-kurangnya dalam tiga sudut atau tiga perkara. Yang pertama, procedure untuk mendapat Bantuan Guaman itu terlampau complicated dan panjang, seumpamanya, di bawah undang-undang yang lama, sebelum Pengarah Bantuan Guaman dapat memberi Bantuan Guaman kepada seseorang pemohon, permohonan itu

terlebih dahulu mesti dirujuk kepada satu Lembaga dan ini memakan masa yang agak panjang. Kerana itulah maka Rang Undang-undang pindaan ini membawa satu pindaan supaya memansuhkan Lembaga tersebut iaitu Fasal 4 dalam Rang Undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini iaitu memotong dan memansuhkan Seksyen 6 dalam undang-undang yang lama supaya Lembaga yang ditubuhkan di bawah Seksyen 6 itu dimansuhkan sama sekali. Adalah diharapkan dengan tidak adanya lagi Lembaga itu maka procedure dan proses mendapatkan Bantuan Guaman akan dapat diperlicinkan dan dilekaskan demi keadilan.

Kedua, mengikut pengalaman jabatan yang berkenaan, khidmat Bantuan Guaman ini kurang dapat diberikan kepada rakyat kerana Ujian Kemampuan itu terlampau rendah sangat. Kalau seorang itu katalah hendak memohon dia mesti memenuhi syarat-syarat Ujian Kemampuan seperti berikut:

- (i) Mesti mempunyai harta tidak lebih \$1,500; dan
- (ii) Mesti pendapatan tidak lebih dari kalau dia bujang dia tidak menyewa rumah, gajinya tidak boleh melebihi \$270 sebulan dan kalau dia menyewa rumah gajinya tidak boleh lebih daripada \$354 sebulan.

Kalau seseorang pemohon itu tidak dapat memenuhi Ujian Kemampuan yang saya katakan tadi maka dia tidak dapat—tidak layak mendapat Bantuan Guaman. Kerana itulah Rang Undang-undang ini juga minta supaya Ujian Kemampuan itu dinaikkan angkanya, insya Allah kalau Dewan yang mulia ini bersetuju cadangan pindaan ini maka dengan pindaan ini bermakna kalau seseorang itu hendak memohon bantuan guaman dia mesti sekarang

memenuhi dua syarat, yang pertama mempunyai harta boleh guna lebih dari \$1,500 tetapi tidak lebih dari \$8,000 dan yang kedua mesti berpendapatan tidak lebih dari kalau dia bujang, dia tidak menyewa rumah tidak lebih daripada \$770 sebulan gajinya atau kalau dia menyewa rumah tidak daripada \$854 sebulan. Kalau dia tidak lebih daripada angka itu dia layak mendapat Bantuan Guaman. Jadi, dengan cara kita menaikkan angka Ujian Kemampuan tadi maka ini akan memperluaskan pemohon-pemohon yang layak untuk dipertimbangkan bagi mendapat Bantuan Guaman.

Yang ketiga, sebabnya khidmat ini kurang mendapat perhatian mungkin kerana jurisdiction atau bidangkuasa begitu terbatas sekali kerana undang-undang menyatakan cuma kes-kes di bawah Jadual Kedua dan Ketiga sahaja merupakan perkara-perkara yang boleh diberi Bantuan Guaman dan perkara-perkara yang disenaraikan di bawah Jadual Kedua dan Ketiga undang-undang yang ada sekarang ini boleh dikatakan agak terbatas dan terhad maka itulah sebabnya di dalam pindaan Rang Undang-undang ini membuat sesuatu pindaan memberi satu kuasa kepada Peguam Negara kalau ia fikirkan atas kepentingan awam sesuatu kes itu patut diberi Bantuan Guaman secara percuma, sekalipun kes itu tidak termasuk dalam Jadual Kedua dan Ketiga, kes itu boleh ditimbangkan untuk diberi Bantuan Khidmat Guaman cara percuma oleh Pengarah Bantuan Guaman. Jadi itulah dia tiga cadangan pindaan bagi mengatasi kemungkinan masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Bantuan Guaman. Adalah diharapkan bahawa setelah pindaan ini dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini dalam soal procedurenya, Ujian Kemampuannya dan bidangkuasanya dapat dibaiki adalah diharapkan bahawa khidmat Bantuan Guaman ini akan dapat memberi khidmat yang lebih baik, lebih licin supaya lebih

ramai rakyat yang memerlukannya akan dapat diberi bantuan sepertimana yang dikehendaki.

Suatu lagi cadangan Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun berhubung dengan cadangannya supaya Pengarah Bantuan Guaman atau wakilnya hadir di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah. Sungguhpun cadangan itu baik mungkin masa kini tidak dapat dipraktikkan kerana pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah jabatan ini amat sedikit dan mungkin tidak cukup pegawai untuk hadir di tiap-tiap Mesyuarat Tindakan Daerah. Walau bagaimanapun, cadangan ini adalah satu cadangan yang membina dan saya akan membawa cadangan ini kepada Pengarah Bantuan Guaman untuk dipertimbangkan.

Sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat-Yang Berhormat ke atas pindaan yang dicadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 23 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.42 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana ianya terpakai bagi Wilayah Persekutuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Pindaan yang dikemukakan ini dikenali sebagai Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) Tahun 1983 dan menyentuh dua bidang iaitu bidang ekonomi dan bidang kehakiman.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan dalam tahun 1974 berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Bagi mentadbirkan urusan hal ehwal agama Islam di Wilayah Persekutuan yang baru ditubuhkan itu, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 1952 telah diambil dan dikuatkuasakan bagi kegunaan Wilayah Persekutuan, iaitu secara diubahsuaikan sahaja. Bagi Negeri Selangor sendiri selepas tahun 1974, undang-undang berkenaan itu telah banyak dibuat pindaan-pindaan iaitu bagi menyesuaikan dengan keperluan-keperluan semasa. Bagaimanapun undang-undang yang sama yang telah diubahsuaikan dan digunakan bagi Wilayah Persekutuan hanya pernah dibuat satu kali pindaan sahaja iaitu pada tahun 1980 dan itu pun merupakan pindaan kecil yang menyentuh soal tambahan Ahli Ex-Officio Majlis yang dinamakan Setiausaha Majlis dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai Urusetia Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dalam tempoh 9 tahun sejak ditubuhkan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengalami beberapa perubahan dan perkembangan sama ada dari segi organisasi pentadbirannya mahupun dari segi aktiviti yang dijalankan. Di antara perkembangan itu ialah penglibatan Majlis dalam bidang kegiatan ekonomi yang dijalankan menerusi Baitulmal Majlis. Dalam tahun 1980 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah meluluskan suatu peraturan Baitulmal yang dinamakan kaedah-kaedah Baitulmal Wilayah Persekutuan, perbelanjaan dan pengurusan 1980. Dengan berkuatkuasanya peraturan ini Majlis telah melantik sebuah jawatankuasa Baitulmal. Jawatankuasa ini diberi tugas dan tanggungjawab mengurus dan mengelolakan Baitulmal Majlis termasuk menjalankan apa-apa projek, skim, enterprise ataupun perusahaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada umat Islam.

Sungguhpun peraturan Baitulmal seperti yang telah diluluskan, pada prinsipnya peraturan itu adalah tidak lengkap dan tidak mencukupi. Ini disebabkan peruntukan-peruntukan yang sedemikian tidak terdapat dalam undang-undang induk yakni undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan sekarang.

Di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan Tahun 1974 tidak terdapat peruntukan-peruntukan yang membolehkan Majlis terutamanya menjalankan apa-apa aktiviti perusahaan, perindustrian dan perdagangan kecil ataupun besar.

Kedua, menjalankan atau menubuh syarikat atau apa-apa perbadanan untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang sepatutnya dijalankan oleh Majlis.

Ketiga, menjalankan apa-apa usahasama dengan badan-badan lain dalam bentuk perniagaan sama ada secara pengusaha giat ataupun sebagai pemilik saham sahaja. Semua pindaan yang disyorkan itu adalah mustahak diadakan dengan segera bagi membolehkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berfungsi menurut kehendak semasa.

Pindaan ini melibatkan dua aktiviti penting Majlis iaitu di bidang Baitulmal atau ekonomi dan di bidang kehakiman iaitu Mahkamah Syariah. Kedua-dua aktiviti ini adalah amat mustahak. Dari sudut Baitulmal pindaan ini akan membolehkan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengambil bahagian dalam kegiatan projek ekonomi termasuk menyertai kegiatan Bank Islam, mengadakan institusi arahan pajak gadaai Islam apabila diperlukan, membeli saham dan membangunkan harta-hartanya secara besendirian atau usahasama.

Dari segi Mahkamah pula, pindaan ini adalah merupakan suatu persiapan ke arah menguatkuasakan Undang-undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan. Di bawah Undang-undang Keluarga Islam yang dicadangkan itu denda bagi setiap kesalahan yang dilakukan adalah melebihi \$100 dan sebulan penjara. Oleh itu semua kesalahan-kesalahan ini hanya dapat didengar di Mahkamah Kadi Besar kerana bidangkuasa civil di Mahkamah Kadi adalah dihadkan setakat sebulan penjara dan denda \$100. Keadaan ini tentu membebaskan Kadi Besar tetapi dengan adanya pindaan yang membolehkan Majlis dicadangkan ini kes-kes tersebut dapat didengar oleh Mahkamah Kadi. Dengan kes-kes ini didengar di Mahkamah Kadi bukan sahaja ia akan mengurangkan beban Mahkamah Kadi Besar tetapi di sebaliknya itu mengurangkan kes-kes yang tertangguh kerana jumlah Mahkamah

Kadi tidak seperti Mahkamah Kadi Besar yang terdapat sebuah sahaja di Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu, pindaan ini juga dapat dianggap sebagai usaha menaikkan taraf Mahkamah Kadi dalam bidangkuasa civilnya setaraf dengan Mahkamah Majistret. Dengan yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa pertamanya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah merupakan pindaan yang perlu dibuat ke atas Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, 1974 bagi Wilayah Persekutuan bagi menghadapi keperluan dan kehendak semasa.

Kedua, pindaan ini juga diperlukan kerana Undang-undang Pentadbiran Agama Islam ini adalah undang-undang tahun 1952 di mana negeri asal yang menggunakannya telah juga membuat pindaan yang dicadangkan ini.

Ketiga, pindaan ini terpaksa dibuat ke atas undang-undang yang ada, kerana usaha mengadakan Undang-undang Pentadbiran Islam yang baharu dan lengkap masih di peringkat gubalan dan akan mengambil masa untuk disiapkan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana ianya terpakai bagi Wilayah Persekutuan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma mengingatkan, masa kita cuma boleh sampai pukul 7.10 minit, waktu Maghrib. Kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap lebih daripada itu saya terpaksa menangguhkan mesyuarat, kemudian kita kena menyambung balik pada sebelah malam sampai pukul berapa pun. Tetapi sebaik-baiknya kalau dapat Yang Berhormat sampai 7.10 malam, sebelum itu kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Itu terpulang kepada Yang Berhormat. Jemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak.

6.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya pun bersetuju dengan cadangan Tuan Yang Dipertua. Saya cuba mengambil masa yang pendek sahaja, mudah-mudahan kita dapat balik lekas.

Di samping itu juga, Tuan Yang Dipertua, saya hendak membuat sedikit komen dan juga menyokong di atas Rang Undang-undang untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana ianya terpakai bagi Wilayah Persekutuan.

Dalam soal ini saya hendak menyentuh soal Rang Undang-undang ini, Tuan Yang Dipertua, naskah sahnya masih dalam bahasa Inggeris padahal yang kita hendak bincangkan ini soal agama Islam yang mana kadi-kadi juga akan membaca. Rasa saya kadi-kadi itu pun tidak fasih dalam bahasa ini. Oleh itu, bilakah masa agaknya pihak yang berkenaan dapat menterjemahkan Rang Undang-undang ini ke Bahasa Malaysia kerana kita sudah merdeka lebih dari 26 tahun, supaya senang dibaca dan senang juga difahami oleh kadi-kadi yang hendak menjatuhkan hukuman nanti supaya ia tidak memanggil orang untuk menterjemahkan pula. Itu harapan saya.

Pindaan-pindaan ini memanglah rasa saya adalah bertujuan untuk membolehkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan ekonomi di Wilayah Persekutuan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Di samping itu juga memberi kuasa kepada Mahkamah Kadi dalam kes-kes jenayah, sivil dari satu bulan penjara atau denda \$100 kepada 3 bulan penjara atau \$500.

Dalam masalah-masalah yang lain juga, saya rasa pada amnya pindaan-pindaan ini adalah sangat wajar iaitu untuk meninggikan ekonomi khasnya ekonomi orang Islam di Wilayah Persekutuan ini yang mana telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi supaya Majlis Agama Islam di Wilayah Persekutuan ini dapat mengeluarkan wang-wang daripada hasil Baitulmal yang dikutip daripada orang-orang Islam supaya dapat digunakan membeli syer-syer, bangunan-bangunan dan sebagainya. Ini satu jalan yang begitu baik kerana di Wilayah Persekutuan ini amnya memang banyak terdapat umpamanya tanah-tanah wakaf yang begitu strategik kedudukannya, tinggi nilainya telah terbiar begitu sahaja di Kuala Lumpur ini.

Dengan adanya undang-undang ini saya rasa dapatlah pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menjalankan usaha-usaha bagi mengambil ataupun mengusahakan tanah-tanah yang banyak terbiar khasnya dalam Wilayah Persekutuan ini yang mana banyak tanah-tanah ini yang kita tidak tahu siapakah yang punya dan sebagainya tetapi yang kita tahu orang Islam, tetapi kita tidak dapat mencari ataupun mengesan. Oleh itu dengan keadaan ini dalam Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak ini rasa saya boleh

dijalankan cara-cara ini untuk menambahkan sumber-sumber yang lain.

Dalam meninggikan sumber-sumber ekonomi umat Islam negara ini usaha yang gigih perlu juga dijalankan oleh Majlis Agama Islam di dalam negeri kita yang lain iaitu bukan di Wilayah Persekutuan sahaja, iaitu perhubungan penerangan terutamanya zakat fitrah yang pada masa ini rasa saya kita pun tidak tahu, kadangkala tidak tahu ke manakah perginya wang zakat fitrah itu dan ada pula orang-orang yang tidak tahu bagaimana hendak memberi zakat fitrahnya. Kemungkinan orang-orang hartawan yang kaya-kaya dalam Wilayah Persekutuan ini tidak tahu hendak berikan duit-duit itu.

Oleh itu, rasa saya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan patut memberitahu ataupun memberi penerangan dan juga kalau boleh dibuatkan surat-surat edaran kepada hartawan-hartawan di Wilayah Persekutuan ini supaya mereka ini boleh dapat membayar zakat fitrah mereka melalui Baitulmal Wilayah Persekutuan ini. Dengan adanya sebagaimana yang diterangkan itu dapatlah pihak Baitulmal ini menjalankan usaha-usaha untuk meninggikan lagi taraf ekonomi khasnya ekonomi Islam dalam Wilayah Persekutuan ini.

Dalam masalah yang lain iaitu peningkatan bidang kuasa Mahkamah Syariah itu pula sepatutnya pelaksanaan yang berkesan oleh Jabatan Agama Islam bagi menghukum mereka yang bersalah sebagaimana yang dikatakan ini juga supaya dapat dijalankan dengan seadil-adilnya yang dibuat oleh Majlis-majlis Agama Islam ini nanti.

Dalam masalah ini juga untuk terpakai sama Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor ini yang boleh dipakai oleh Majlis Agama

Islam Wilayah Persekutuan juga, saya rasa ini juga patut diambil ingatan kepada pihak Majlis Agama Islam. Yang pertamanya soal-soal agama antara Wilayah Persekutuan dan Selangor terutamanya bayaran fitrah tiap-tiap tahun. Umpamanya Selangor lain, kalau kita mengikut, ikutlah seperti dalam Enakmen yang kita luluskan ini umpamanya Selangor \$2.00; patut juga Wilayah Persekutuan \$2.00. Tidak seperti yang lalu, Wilayah Persekutuan \$2.50 tetapi Selangor, Petaling Jaya yang letaknya di sebelah sahaja kena \$2.00. Dalam keadaan ini kita dapat samakan dalam Pentadbiran Hukum Syarak ini dan pentadbiran-pentadbiran lain mengenai agama dapat dijalankan selaras dengan Akta yang kita luluskan dan buat pindaan ini.

Oleh itu, sebagai mengikut nasihat daripada Tuan Yang Dipertua, saya menyudahi ucapan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini supaya dapat dijalankan, mudah-mudahan umat Islam dalam Wilayah Persekutuan ini akan dapat lebih terang dengan cara-cara Undang-undang Syarak dan sebagainya berhubung dengan Islam ini. Oleh itu dengan ini saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Ada sesiapa lagi, saya boleh benarkan kalau ada yang hendak bercakap. Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

6.55 ptg.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah yang telah memberikan sokongan yang kuat kepada pindaan-pindaan ini serta memberikan pendapat dan pandangan serta komennya terhadap perjalanan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Segala cadangan-cadangan tersebut, insya Allah saya akan rujukkan cadangan-cadangan itu kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk membetulkan perjalanan ataupun mempergiatkan lagi perjalanan dan usaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan supaya menentukan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan itu benar-benar akan membawa kemajuan serta kesejahteraan kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Sukalah saya menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam soal hubungan di antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan, pihak saya telah pun mengadakan perjumpaan dengan pihak negeri Selangor iaitu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sendiri di mana berikutan perjumpaan yang pertama kali pernah diadakan di antara negeri Selangor dan pentadbiran Wilayah Persekutuan bagi membincang masalah-masalah bersama dan di dalam soal ini iaitu soal tentang pembayaran penentuan fitrah telah juga ditimbulkan dan adalah diharapkan bertolak daripada pertemuan itu kita akan mendapat persetujuan ataupun persamaan, sekurang-kurangnya bagi menetapkan pembayaran fitrah pada masa-masa yang akan datang.

Walau bagaimanapun oleh kerana perkara ini merupakan perkara yang menjadi tanggungjawab pihak-pihak negeri yang tertentu, sudah tentu kita haruslah mengambil kira perasaan dan pandangan negeri-negeri yang berkenaan. Walaupun demikian hasrat yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sungguh mulia dan saya mengucapkan berbilang terima kasih. Selain daripada itu saya mengambil ingatan tentang pandangan dan komen dari Ahli Yang Berhormat itu. Saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Selasa, 10hb Januari, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.